



PERCUMA

EDISI 30 April - 6 Mei 2020, 7 - 13 Ramadan 1441

RUJUKAN UTAMA RAKYAT

Semuanya di sini:

www.amirudinshari.com
[amirudinbinshari](https://www.facebook.com/amirudinbinshari) [@amirudin_shari](https://www.instagram.com/amirudin_shari)
[AmirudinShari](https://www.twitter.com/AmirudinShari) [Amirudin Shari](https://www.facebook.com/Amirudin Shari)

Aneka juadah boleh dibeli di Plats

MUKA 2

Ahli petugas negeri bangunkan antivirus

MUKA 3

180,000 akaun layak nikmati air percuma

MUKA 5

Duit raya anak yatim terus masuk bank

MUKA 22

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor akan melaksanakan beberapa pendekatan baharu bagi merancakkan semula ekonomi negeri, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata ia bertujuan membantu rakyat mendepani pelbagai kebiasaan baharu selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir.

"Ini sangat penting bagi 'menjana semula ekonomi' serta membantu rakyat menjalani pelbagai 'norma baharu' kehidupan pasca-PKP nanti," katanya melalui kenyataan pada 28 April lalu.

Katanya, pendekatan itu turut mengambil kira nasihat Pasukan Petugas Pencegahan Covid-19 Selangor (STFC) bagi memastikan rakyat terpelihara dari jangkitan virus.

"Pelaksanaan dan pembudayaan beberapa polisi ini juga penting bagi memastikan rakyat Selangor terus terpelihara dari kluster dan subkluster baharu wabak Covid-19," katanya.

Selangor memperkenalkan e-bazar Ramadan melalui Platform Selangor (Plats), e-bazar raya dan pelbagai bantuan kepada peniaga bagi menggerakkan ekonomi.

Ia termasuk bantuan sekali bayar, pengecualian sewa dan penangguhan bayaran pinjaman melalui Paket Rangsangan Selangor Prihatin berjumlah RM127.78 juta dan fasa dua (RM272.5 juta).

BERITA BERKAITAN MUKA 2, 3

Bantu rakyat depani kebiasaan baharu

Jana ekonomi selepas wabak



Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari meneliti peta lokasi Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan di Selayang Baru, Gombak sambil diperhatikan Panglima Briged Ke-11 Infantri Malaysia, Brigadier Jeneral Norsham Mat Tap (kiri) pada 25 April lalu.
Foto Nazir Khairi

**NIKMATI JUADAH
BERBUKA PUASA
KEGEMARAN
ANDA SEMASA
RAMADHANINI DI**

MBI
Bisnes Amal
MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADAN)

HIJRAH
SELANGOR

PLATS
PLATFORM SELANGOR
www.plats.com.my

Grab



LZS sedia kaedah zakat dalam talian

SHAH ALAM – Zakat fitrah boleh dibayar secara dalam talian bermula 24 April, kata ketua pegawai eksekutif Lembaga Zakat Selangor.

Saipolyazan M Yusop berkata bayaran boleh dibuat menerusi laman web, fpx.zakatselangor.com.my.

Pembayar perlu mengisi maklumat seperti nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan memilih jenis zakat.

"Nilai bayaran zakat fitrah akan terpapar mengikut jenis beras iaitu RM7, RM14 atau RM21. Terdapat dua pilihan kaedah pembayaran sama ada 'Financial Process Exchange' (Pertukaran Proses Kewangan) atau JomPay.

"Sebelum bayaran diteruskan, pembayar perlu membaca akad niat zakat fitrah seperti tertera pada layar skrin," katanya.

Untuk semakan dan mencetak penyata zakat, pembayar boleh layari <https://ezo.zakatselangor.com.my>

Tunaikan zakat anda menerusi

EZakatPay: <https://fpx.zakatselangor.com.my>

Perbankan internet: Semua bank

Portal: MyEg, Pos Online

Aplikasi e-dompet: GoPayz, Boost

Kaji proses pandu lalu, elak sesak

SHAH ALAM – Kerajaan Negeri mengkaji kaedah mempercepatkan proses pembelian pandu lalu kepada kira-kira 15 minit bagi setiap pelanggan di Pasar Agro Selangor di Laman Niaga Komuniti Bandar Baru Bangi.

EXCO Industri Asas Tani Ir Izham Hashim berkata ia untuk mengelak kesesakan demi keselamatan dan kesihatan pengunjung susulan penularan wabak Covid-19.

"Kita akan fikirkan kaedah mempercepatkan pembelian secara pandu lalu kerana tidak mahu berlaku kesesakan dan pada masa sama semua dapat membeli barang secara terkawal," katanya pada 26 April lalu.

Kerajaan Negeri juga bercadang menambah lebih banyak pasar segar itu di lokasi lain untuk kemudahan rakyat.

Selangor wujud Laman Hijau 2.0

SHAH ALAM – Kerajaan Negeri mewujudkan Laman Hijau 2.0, sebuah program pertanian bandar khusus untuk penduduk di kawasan perumahan berstrata bagi meningkatkan produk pertanian bermutu, kata EXCO perumahan.

Haniza Talha berkata program bermula tahun ini memilih lima pangaspuri kos rendah dan sederhana yang akan diberikan geran RM10,000 selain bimbingan Jabatan Pertanian.

Ia berbeza program versi awal kerana kali ini fokusnya hasil pulangan lebih besar bagi membantu hal ehwal kewangan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan menampung perbelanjaan penyelenggaraan.

Layari Platform Selangor

Hidangan enak, mudah dibeli

OLEH AMIN RIDZUAN ISHAK

SHAH ALAM – Meskipun tiada pengjuran bazar Ramadan tahun ini, warga Selangor boleh menikmati aneka jadual berbuka dengan melayari Platform Selangor (Plats), www.plats.com.my.

Laman e-bazar menyajikan pelbagai jenis nasi istimewa termasuk Nasi Daging Utara Air Asam, Nasi Briyani Ayam Merah, Nasi Ayam Seksyen 6 dan Asam Pedas Mama.

Makanan popular turut tersedia antaranya Mi Rebus Haji Wahid, Soto Johor, Don Kari Kepala Ikan dan Popia SS Ali.

Untuk pemanis mulut, pembeli juga boleh memesan apam balik Sungai Besar, kuih lopes, pulut sekaya, bubur kacang dan putu perak warisan.

Pratempahan bermula jam 10 malam sehingga 1 tengah hari. Pembeli perlu memilih lokasi e-dapur berhampiran kediaman masing-masing sebelum mem-

buat pengesahan serta memberikan maklumat seperti alamat bagi penghantaran.

Lokasi e-dapur seperti berikut:

- Bandar Baru Rawang
- Bangi Golf Resort
- RekaScape, Cyberjaya
- Jalan TP7/3, Subang Jaya
- Jalan Semangat, Petaling Jaya
- Taman Putra, Kajang
- Presint Alami, Shah Alam
- Pandan Indah, Ampang
- Jalan 7/7C, Bangi
- Seksyen 14, Shah Alam

Pada 18 April lalu, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengumumkan pelaksanaan Plats bagi membantu peniaga di Selangor menjana pendapatan tambahan ketika Ramadan susulan pembatalan bazar di seluruh negara.

Platform e-dagang yang dibangunkan Kerajaan Selangor memberi manfaat kepada peniaga untuk meneruskan mata pencarian yang pada tahun-tahun sebelumnya berniaga di bazar Ramadan.



Pasar Agro raih RM23,000 hari pertama

SHAH ALAM – Pasar Agro Selangor di Laman Niaga Komuniti, Bandar Baru Bangi mencatat nilai jualan keseluruhan RM23,000 pada hari pertama pembukaannya 22 April lalu, kata EXCO industri asas tani.

Ir Izham Hashim berkata, nilai urus niaga pasar segar terkawal setiap Rabu dan Ahad dijangka lebih tinggi berikutan semakin mendapat perhatian.

"Pemantauan dan maklum balas peniaga menyatakan pengunjung hari ini (Ahad) lebih ramai berbanding 22 April lalu (Rabu). Saya yakin jualan semakin bertambah."

"Saya difahamkan tempahan awal juga meningkat kepada 23 pembeli berbanding hanya tiga pada Rabu lalu. Ini menunjukkan rakyat mula sedar kewujudan pasar segar ini," katanya pada 26 April lalu.

Ir Izham berkata pihaknya bercadang menambah lebih banyak gerai di pasar segar bagi memberi peluang lebih ramai usahawan tanah memasarkan barang jualan.

"Untuk itu, kita akan ambil kira faktor keselamatan dan penjarakan. Tujuan kita mahu membantu usahawan tanah supaya



Ir Izham berbual dengan pelanggan Pasar Agro Selangor di Laman Niaga Komuniti Bandar Baru Bangi pada 26 April lalu

produk jualan tidak rosak," katanya.

Pasar Agro Selangor berkonsep pandu lalu dan tempahan awal menyediakan barang keperluan dan hasil tani kepada penduduk setempat berikut Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Antaranya ayam, ikan, daging, sayur dan buah-buahan. Pesanan dibuka mulai 8 pagi hingga 3 petang menerusi WhatsApp bernombor 011-3337 2170.

Lokasi lain Pasar Agro Selangor:

- Holysmoke Cafe, Seksyen 13, Shah Alam
- Restoran Mak Uda, Seksyen 15, Shah Alam
- Mad About Cafe, Petaling Jaya
- Pusat Operasi Fama di Dengkil, Puchong, Kuala Selangor, Sabak Bernam
- Pasar tani kekal Selayang
- My Farm Outlet, Putrajaya

Kerjasama Shopee, tawar insentif

e-bazar raya bantu peniaga kecil

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM – Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1 juta dalam bentuk baucar potongan harga untuk program e-bazar Raya Selangor dengan kerjasama pengendali e-dagang, Shopee, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata Shopee juga menyalurkan lebih sejuta pakej sebagai tambahan kepada RM12 juta sebelum ini untuk membantu usahawan yang memanfaatkan saluran itu sebagai landasan pemasaran.

Beliau berkata manfaat itu wajar direbut usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta perniagaan mikro

untuk memasarkan produk sekali gus menjana pendapatan ketika musim perayaan selepas terjejas akibat Covid-19.

"Ekspo raya dalam talian ini menawarkan insentif tiga kali ganda kepada pembeli. Ia memberi kemudahan kepada orang ramai mendapatkan keperluan sempena musim Aidilfitri seperti kuih-muih, barang kelengkapan rumah dan pakaian dengan pelbagai pilihan serta murah."

"Shopee Malaysia kini mempunyai 800,000 penjual aktif dan kerjasama Kerajaan Negeri dengan syarikat swasta ini demi mencapai tujuan membantu PKS," katanya dalam kenyataan pada 24 April lalu.

Amirudin berkata e-bazar yang dilan-

carkan pada 1 Mei sehingga Jun dengan sasaran membantu 3,000 peniaga konvensional memiliki landasan e-dagang di samping 2,000 peniaga dalam talian sedia ada.

"Sepanjang program ini, Shopee menyediakan laman mikro untuk mempromosi produk peniaga yang mengikutnya dengan menggunakan kaedah 'livestream' (siaran langsung), jualan mengejut (shocking sales), pemberian baucar dan penghantaran percuma bagi pembelian minimum RM19 dan ke atas," katanya.

Peniaga berminat boleh mendaftar menerusi pautan <http://tiny.cc/selangorebazar>.

Jualan dalam talian bertambah

SHAH ALAM – Rata-rata peniaga e-bazar Ramadan yang memulakan perniagaan secara dalam talian bersyukur kerana hasil jualan bertambah pada tahun ini.

Perkara berkenaan dikongsi peniaga menerusi rakaman video di Instagram Bisnes Amal MBI.

"Hari ini dapat RM600, jika di bazar Ramadan saya dapat dalam RM400 sehari, jadi hasil jualan bertambah, memang seronok," kata peniaga yang tidak dinyatakan identiti.

Jelas peniaga itu lagi, penggunaan aplikasi dipilih Kerajaan Negeri juga mudah difahami.

Seorang lagi peniaga menceritakan duit jualannya menerusi e-bazar lebih selamat.

"Duit terus masuk bank, saya rasa lagi seronok dan lebih selamat," katanya.



Negeri rangka pelan tingkat ekonomi

SHAH ALAM – Kerajaan Selangor merangka pelan rangsangan ekonomi pasca Covid-19 sebagai persediaan mengharungi ekonomi yang diramal getir selepas wabak, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata pelan itu bertujuan membantu rakyat Selangor dan secara tidak langsung memastikan pertumbuhan ekonomi negeri terus kekal stabil.

"Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri penting bagi memastikan rakyat menerima manfaat selain bersedia mengharungi kedudukan ekonomi getir akibat Covid-19," katanya pada 23 April lalu.

Sebelum itu, Amirudin bertemu Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz di Putrajaya.

Tengku Zafrul menerusi Twitter berharap kedua-dua pihak dapat terus bekerjasama bagi membangunkan ekonomi negara.

"Moga dapat terus bekerjasama dalam usaha melindungi rakyat, menyokong perniagaan dan memperkuuhkan ekonomi," tulisnya.



Amirudin (kanan) bertemu Zafrul membincangkan kerjasama membangunkan ekonomi di Putrajaya pada 23 April lalu

Petugas negeri bangunkan antivirus

SHAH ALAM – Seorang ahli Pasukan Petugas Pencegahan Covid-19 Selangor (STFC) membangunkan antivirus bagi melawan wabak berkenaan.

Pengerusinya Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata kajian dilakukan Dekan Fakulti Perubatan Universiti Malaya, Prof Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman.



"Terdapat dua cara memusnahkan Covid-19 iaitu menerusi vaksin ataupun antivirus, tetapi untuk membangunkan vaksin ia mungkin memakan masa 12 hingga ke 18 bulan. Jika vaksin lambat, kita ada antivirus."

"Antivirus sedang dikaji itu mekanismenya bertindak lebih kurang sama terhadap SARS-CoV-2 atau Covid-19."

"Marilah kita doakan supaya pasukan Dr Adeeba berjaya jalankan kajian ke atas antivirus berkenaan," katanya ketika rancangan temu bual Anak Muda 2020 menerusi Facebook 25 April lalu.

Hanya satu zon merah direkodkan

SHAH ALAM – Hanya Hulu Langat masih berada dalam zon merah dengan merekodkan 53 kes aktif setakat 28 April lalu.

Berdasarkan data Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat, mukim itu disenaraikan dalam zon merah sejak 20 April lalu.

Ia menunjukkan penurunan positif berbanding 19 April lalu yang merekodkan Hulu Langat, Klang dan Damansara berada di zon merah.

Mengikut statistik, 24 mukim termasuk dalam zon kuning manakala 31 lagi zon hijau.

Kementerian Kesihatan Malaysia menetapkan mukim atau lokaliti mencatatkan lebih 40 kes disenaraikan dalam zon merah, zon kuning (satu hingga 40 kes) dan zon hijau tiada kes.

Saringan berterusan walau kes turun

SHAH ALAM – Biarpun kes Covid-19 turun ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa ketiga, namun saringan perlu dijalankan secara berterusan.

Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata langkah itu termasuk kuarantin bertujuan mengurangkan jumlah kes baharu.

"Negara lain mungkin ada kes positif tetapi pesakit dibenarkan duduk di rumah. (Negara) kita tidak, semua yang positif dimasukkan ke hospital."

"Ada kes yang belum positif, hanya disyaki pun kita tempatkan di pusat kuarantin. Tindakan ini membuatkan hasil," kata ketua pengarah kesihatan.

Setakat 28 April lalu, seramai 152,142 individu disaring, dengan 3.85 peratus daripadanya positif.

Bagaimanapun, Dr Noor Hisham berkata tida kes pesakit pulih dijangkiti semula.



Sikap terbuka MB mudahkan urusan

SHAH ALAM – Keterbukaan pimpinan Kerajaan Selangor mendengar semua pandangan membantu usaha membendung wabak Covid-19 daripada merebak, kata Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Pengerusi Pasukan Petugas Pencegahan Covid-19 Selangor (STFC) berkata tanpa kerjasama baik semua pihak, usaha memerangi virus itu tidak mungkin membawa hasil.

“Sebagai seorang pemimpin negeri, saya lihat beliau (Dato’ Menteri Besar) sangat peka dalam setiap isu melibatkan Covid-19.

“Saya lihat beliau selalu segera beri maklum balas dan ambil tindakan sewajarnya dan ini memudahkan tugas kami di STFC, komunikasi dua hala itu amat penting,” katanya dalam wawancara bersama SelangorKini dan Selangor Journal pada 23 April lalu.

Bilik Gerakan pantas bertindak

SHAH ALAM – Bilik Gerakan Covid-19 Selangor yang beroperasi 24 jam setiap hari menyeragam arahan Kerajaan Negeri membabitkan pelbagai agensi.

Setiausaha Bahagian (Khidmat Pengurusan) Muhamad Shah Osmi berkata segala keputusan sejak Mac lalu boleh dilaksanakan dengan cepat.

“Fungsi (bilik gerakan) lebih kepada pusat arahan secara seragam, selaras arahan kepada petugas barisan hadapan sama ada di peringkat pejabat daerah atau pihak berkuasa tempatan dan ia dilaksanakan segera,” katanya.

Muhamad Shah berkata bilik gerakan turut dijadikan pusat pengumpulan dan pengagihan sumbangan kepada golongan terjejas.

Kerajaan Selangor membuka Bilik Gerakan Covid-19 bagi membantu menyelesaikan masalah rakyat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

SELANGOR

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT Lembaga Editorial CCSB
PENGARANG KUMPULAN Fathi Aris Omar

KETUA PENGARANG Fazallah Pit
PENGARANG Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG Naeem Raffi, Mohd Ezli Mashut, Afeeqa Afeera, Hafizan Taib, Aishah Amin & Teon Eg

WARTAWAN

Afix Redzuan syafiq@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim nazli@mediaselangor.com,

Khairul Azran Hussin khai@mediaselangor.com

Nadiyah Zamlus sitinadiyah@mediaselangor.com

Amin Ridzuan Ishak amin.ridzuan@mediaselangor.com

Norrasyidah Arshad norrasyidah@mediaselangor.com

Sheeda Fathil sheeda@mediaselangor.com

Zareef Muzammil zareefmuzammil@mediaselangor.com

JURUGAMBAR Asri Sapie, Raheemie Arifin, Hafiz Othman & Fikri Yusof

GRAFIK & REKA LETAK Azwa Malek, Azarina Aziz, Farah Azila Mustapha

JABATAN PEMASARAN & PENGIKLANAN

Nadrah Azlan nadrah@mediaselangor.com

Syahir Khadri syahir@mediaselangor.com

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1 Persiaran Akuatik 13/43,
Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor DE

Tel: 03-5523 4856 Faks: 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

Hati-hati jangkitan virus golongan tiada gejala

Jumlah turun tetapi ramai belum disaring

OLEH KHAIRUL AZRAN HUSSIN

SHAH ALAM - Di sebalik penurunan angka kes Covid-19 pada peringkat persekutuan mahupun Selangor kebelakangan ini, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad mengingatkan masih ramai belum melakukan saringan.

Justeru, pengerusi Pasukan Petugas Pencegahan Covid-19 Selangor (STFC) menasihati orang ramai supaya terus berjaga-jaga bagi menge-lakkan penularan virus dari kalangan individu tiada gejala.

“Mungkin kita gembira melihat kes positif Covid-19 semakin menurun, namun kita jangan lupa bahawa masih ramai di luar sana yang belum melakukan saringan

DR DZULKEFLY
Pengerusi STFC

Kesan lapan kes tanpa gejala

SHAH ALAM – Sebanyak 5,433 sampel diuji dengan 10 daripadanya disahkan positif Covid-19 termasuk lapan kes tanpa gejala, kata Dato’ Menteri Besar.

Dato’ Seri Amirudin Shari berkata sampel itu berdasarkan siri pemeriksaan bersasar dilaksanakan Kerajaan Negeri

yang belum melakukan saringan,” katanya dalam wawancara bersama SelangorKini dan Selangor Journal pada 23 April lalu.

Namun, Dr Dzulkefly percaya pendekatan Kerajaan Selangor melakukan ujian besar-besaran ke lokasi bersasar melalui Saringan Komuniti termasuk pandu lalu sebagai inisiatif terbaik.

“Saringan pandu lalu telah membantu

Mungkin kita gembira melihat kes positif Covid-19 semakin menurun, namun kita jangan lupa bahawa masih ramai di luar sana yang belum melakukan saringan

DR DZULKEFLY
Pengerusi STFC

menerusi inisiatif Saringan Komuniti Covid-19 di enam daerah di Selangor sejak 11 April hingga 23 April lalu.

“Sebanyak 5,433 sampel diuji dan 10 daripadanya disahkan positif. Manakala, lapan daripada 10 kes tersebut merupakan pesakit tidak bergejala.

meningkatkan bilangan orang yang melakukan saringan Covid-19, ini yang mahu kita tekanan,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata program saringan Covid-19 dibantu penggunaan teknologi berdasarkan kecerdasan buatan (AI) yang mampu mengetahui pasti dan meramal sebaran wabak menerusi sumber maklumat.

Menekankan sumber Kerajaan Negeri terhad, bekas menteri kesihatan berkata Kementerian Kesihatan wajar berkongsi data klinikal supaya pendekatan lebih bersasar dapat dijalankan pada peringkat negeri.

“Malah pendekatan atau kerjasama pintar melibatkan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri menjadi amat penting selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir terutama apabila ekonomi negeri kembali dibuka,” katanya.

Lebih 5,400 orang terlibat dalam Saringan Komuniti yang dikendali Selcare Clinic sepanjang kira-kira dua minggu bermula 11 April lalu.

“Kerajaan Negeri akan meneruskan saringan komuniti di Selangor bagi membantu usaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenal pasti individu dijangkiti virus terutama dalam kalangan mereka yang berisiko tinggi,” katanya pada 28 April.

Saringan bersasar berhasil

SHAH ALAM – Kaedah analisis data digunakan Kerajaan Negeri bagi mengenal pasti kumpulan sasaran untuk menjalani saringan Covid-19 membawa hasil yang baik, kata Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Pengerusi Pasukan Petugas Pencegahan Covid-19 Selangor berkata selain mencari kes meng-

gunakan data dikumpul melalui beberapa cara, usaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membendung wabak juga menghasilkan keputusan baik.

“Kita melakukan analisis secara data terpilih, (selepas itu) kita fokus pada saringan (data) antaranya bertanya maklumat kepada individu positif (Covid-19), malah

di kawasan zon merah menjuruskan fokus kepada parameter lain.

“Ini termasuk faktor umur terutama mereka yang ada penyakit seperti darah tinggi, kencing manis dan barah, selain kanak-kanak serta wanita di peringkat umur produktif,” katanya dalam temu bual bersama Astro Awani pada 22 April.

Bekas menteri kesihatan berkata analisis data penting bagi memastikan saringan dijalankan secara bersasar supaya kumpulan berkenaan diberi tumpuan khusus untuk diberikan rawatan awal.

“Melalui data ini kita akan dapat melihat dengan lebih pantas untuk mengesan kes aktif. Ujian dijalankan melalui teknik Tindak Balas Berantai Polimeras Masa Nyata (rt-PCR),” katanya.



Sultan seru dalam sejarah tamadun Islam

SHAH ALAM – Sultan Selangor menyeru umat Islam memperbaikkan ibadat dan menambah ilmu mengenai sejarah peradaban Islam sepanjang Ramadan ini.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah, walaupun seluruh rakyat Selangor kini diduga dengan penularan wabak Covid-19 tetapi baginda mendoakan mereka menjalani ibadah puasa dengan sempurna dan penuh kesabaran.

"Memandangkan ketika ini rakyat masih mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan dengan duduk di rumah, Beta berharap umat Islam mengambil peluang ini untuk memperbaikkan amalan terpuji serta ibadat wajib dan sunat termasuk menunaikan solat sunat tarawih di rumah masing-masing.

"Selain itu, Beta turut menyeru agar umat Islam mengimarahkannya dengan menambah ilmu peng-

etahanan menerusi pembacaan buku-buku tentang sejarah peradaban Islam.

"Banyak yang boleh dipelajari dan diteladani daripada kisah-kisah dan sejarah Islam terdahulu dalam usaha menjadi masyarakat yang lebih berilmu dan bijak ketika berdepan krisis atau masalah," titah baginda di Facebook Selangor Royal Official pada 23 April lalu.

Sultan Sharafuddin turut menitahkan rakyat terus berdoa supaya wabak Covid-19 segera berakhir dan seluruh rakyat Selangor dan umat Islam di seluruh dunia terselamat dari pada dijangkiti.

"Patuhilah segala garis panduan, nasihat dan arahan yang dikeluarkan oleh ketua pengarah Kesihatan Malaysia," titah baginda.

Baginda dan Tengku Permaisuri Norashikin turut mengucapkan selamat menyambut Ramadhan kepada seluruh umat Islam di Selangor.



Skim Air Darul Ehsan

Lebih 180,000 layak nikmati air percuma

OLEH ALIFF FIKRI

SHAH ALAM – Seramai 184,020 pemegang akaun meter individu layak menerima air percuma 20 meter padu melalui Skim Air Darul Ehsan.

Pengurusan Air Selangor (Air Selangor) berkata keputusan dibuat setelah meneliti secara terperinci semua permohonan yang diterima sebelum 31 Disember lalu.

"Daripada 211,344 permohonan diterima, hanya 184,020 pemegang akaun meter individu layak menerima skim ini.

"Bagi pengguna meter pukal di pang-

sapuri kos rendah, mereka akan terus menikmati air percuma secara automatik," kata Ketua Komunikasi Korporatnya Abdul Halem Mat Som pada 28 April.

Semakan ketat itu menurut Abdul Halem merangkumi pendapatan yang diperoleh daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri, eKasih, Bantuan Sara Hidup, kesahihan alamat premis dan nombor akaun pengguna.

Beliau berkata status permohonan akan dimaklumkan melalui e-mel atau khidmat pesanan ringkas, manakala permohonan dalam talian boleh disemak di por-

tal <http://ssipr.selangor.gov.my/semakanskim>

Skim itu adalah program penjajaran semula pemberian air percuma kepada kumpulan sasar di negeri ini untuk isi rumah berpendapatan RM4,000 dan ke bawah.

Berikut Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), permohonan baharu dan rayuan yang dibuka sejak 1 April lalu boleh dibuat menerusi www.ssipr.selangor.gov.my atau muat turun borang di www.airselangor.com.

Borang lengkap boleh dihantar melalui e-mel iprair@airselangor.com.

Sedia tangani siswa, rakyat kembali ke Selangor



SHAH ALAM – Selangor membuat persiapan berdepan pergerakan besar siswa untuk meninggalkan kampus serta penduduk negeri ini yang mahu kembali dari kampung.

Langkah ini juga selaras kebenaran diberikan Kerajaan Persekutuan kepada beberapa sektor industri tertentu untuk beroperasi semula.

Susulan pengumuman perdana menteri pada 23 April lalu, Dato' Menteri Besar men-

gadakan perbincangan terhad untuk berdepan pergerakan orang ramai itu.

"Penelitian ini dilakukan susulan pengumuman Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berhubung pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa keempat sehingga 12 Mei depan," jelas Dato' Seri Amirudin Shari.

Kerajaan membenarkan kira-kira 100,000 mahasiswa pulang ke kampung, selain mereka yang terkandas sejak PKP untuk kembali ke rumah.

Rai Ramadan dalam kebiasaan baharu

SHAH ALAM – Orang ramai disaran membuat jadual harian dengan aktiviti bermanfaat sepanjang Ramadan, kata EXCO kebajikan, pemberdayaan wanita dan keluarga.

Dr Siti Mariah Mahmud berkata sambutan puasa kali ini tidak seperti kelaziman tetapi tetap perlu dipenuhi dengan perkara berfaedah.

"Hayati Ramadan ini. Positif dengan ujian Allah. Bersihkan diri dan dekatkan dengan Allah. Ramadan ini sebenarnya ujian kepada kita," katanya pada 24 April lalu.

Dr Siti Mariah berkata Ramadan melatih ketua keluarga belajar menjadi imam kepada ahli keluarga menunaikan solat tarawih serta membimbing anak-anak.

"Kita tidak akan berkumpul ramai-ramai di masjid, kenduri di masjid sebaliknya akan duduk rumah, berbuka puasa dengan keluarga tersayang dan dapat lebih masa dengan mereka," katanya.

Elak pembelian panik, ikut keperluan

SHAH ALAM – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor menasihati orang ramai tidak membuat pembelian panik ketika Ramadan.

Pengarahnya Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pengguna perlu mengamalkan pembelian berhemah dan mengikut keperluan.

"Kami sentiasa memantau bekalan barang keperluan supaya mencukupi dan tidak terputus bagi rakyat Selangor semasa PKP serta Ramadan," katanya pada 23 April lalu.

Beliau berkata setakat 21 April lalu, pihaknya mengesan 55 kes peniaga melakukan kesalahan termasuk melanggar Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011.

Katanya, sejumlah RM8,500 kompaun dikelaskan kepada peniaga kerana kesalahan meningkatkan harga barang, tiada tanda harga dan tanda harga tidak jelas.

Kebakaran hutan padam sepenuhnya

SHAH ALAM – Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengambil masa seminggu memadamkan kebakaran di Kompartmen 21, Hutan Simpan Kuala Langat Selatan yang bermula pada 18 April lalu.

Pengarah JBPM Selangor Norazam Khamis berkata api yang memusnahkan 110 hektar hutan dipadamkan sepenuhnya pada 24 April lalu.

"Beberapa kaedah dilaksanakan antaranya anggota bomba masuk ke hutan untuk memadam api, membanjirkan kawasan dengan menggali parit dan melakukan pemadam dari udara menggunakan helikopter.

"Operasi pemadamkan turut dipercepatkan dengan hujan terutama tiga hari terakhir pemadam," katanya.

Jelasnya lagi, siasatan masih dijalankan untuk mengetahui punca kejadian.



Pantas kesan minyak elak gangguan air

SHAH ALAM – Tindakan pantas kawalan pencemaran di alur kolam KL-Larut di Bestari Jaya berjaya mengelak gangguan bekalan air kepada pengguna, kata Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

LUAS berkata pencemaran tompokan minyak dikesan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) pada jam 11.20 pagi 27 April ketika menjalankan Ops Sumber Air berhampiran sebuah kilang menjalankan aktiviti pengilangan besi.

"Justeru kod kuning berdasarkan Manual Kecemasan Pencemaran Sumber Air diaktifkan bagi siasatan secara menyeluruh di kawasan terlibat sebelum menemui kesan tompokan disyaki minyak hidraulik berhampiran sebuah kilang.

"Premis tersebut didapati telah menghentikan operasi sejak 18 Mac lalu selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan," katanya.

Pusat tahfiz di Sungai Lui dikawal ketat

SHAH ALAM – Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Sungai Lui di Hulu Langat melibatkan sebuah pusat tahfiz dan sebuah rumah disambung sehingga 5 Mei, kata Menteri Kanan (Kluster Keselamatan).

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata bagaimanapun PKPD di Kampung Ibrahim Majid dan Bandar Baharu Ibrahim Majid di Simpang Renggam, Johor ditamatkan pada 28 April.

Pada 29 Mac lalu, kerajaan mengenakan langkah PKPD di Sungai Lui selepas lebih satu perempat penghuni di sekolah tahfiz dijangkiti wabak berkenaan.

Bagaimanapun, PKPD di sebahagian besar kawasan Sungai Lui ditamatkan pada 14 April lalu kecuali Maahad Tahfiz An Nabawiyah dan sebuah rumah di Batu 23 Kampung Paya Lebar.

Pada 26 Mac lalu, kerajaan mengumumkan PKPD dikuatkuasakan di Simpang Renggam susulan terdapat 61 kes positif Covid-19 di dua lokasi.

Jasa, pengorbanan warga TLDM dihargai

SHAH ALAM – Kerajaan Negeri menghargai pengorbanan warga Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) mempertahankan kedaulatan perairan negara, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari mengucapkan selamat menyambut ulang tahun dan berkata khidmat bakti dicurahkan semua warganya amat dihargai rakyat.

"Jasa dan pengorbanan warga TLDM mempertahankan samudera negara sentiasa menjadi ingatan semua rakyat Malaysia. Armada Siaga, TLDM Perkasa!" katanya sempena Hari TLDM ke-86 pada 27 April lalu.

Bertemakan Armada Siaga, TLDM Perkasa!, sambutan ini dibuat ketika Malaysia melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung Covid-19.

Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Affendi Buang dalam perutusan khas berkata sambutan kali ini amat berlainan.

Bantu harungi tempoh sukar

801 nelayan terima baucar petrol RM300



Ir Izham menyampaikan baucar petrol kepada Norazian untuk diserahkan kepada 801 nelayan

OLEH AMIN RIDZUAN ISHAK

SHAH ALAM – Seramai 801 nelayan menerima bantuan baucar petrol bernilai RM300 di bawah Pakej Rangsangan Selangor Prihatin fasa dua, kata EXCO modenan pertanian dan industri asas tanaman.

Ir Izham Hashim berkata inisiatif

bernilai RM240,300 membolehkan nelayan membuat pembelian bahan bakar berkenaan di stesen minyak Petronas dan Shell.

"Penyaluran bantuan akan dilaksanakan melalui Persatuan Nelayan Kawasan di seluruh Selangor. Semoga bantuan diselaraskan Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani

ini, sedikit sebanyak membantu mereka mengharungi tempoh sukar sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan," katanya pada 22 April lalu.

Bantuan kepada nelayan disampaikan Ir Izham kepada Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Selangor Norazian Safian di pejabat EXCO di sini.

30 lokasi banjir kilat dikenal pasti

SHAH ALAM – Kerajaan Selangor menganal pasti 30 lokasi banjir kilat susulan hujan lebat dan ribut berpanjangan sejak seminggu lalu, kata EXCO infrastruktur dan kemudahan awam.

Ir Izham Hashim berkata limpahan air berlaku kerana ketidakupayaan sistem saliran sedia ada menampung jumlah hujan yang lebat.

"Memang menjadi kebiasaan jika

taburan hujan melebihi 100 milimeter ia akan menyebabkan fenomena banjir kilat," katanya pada 27 April lalu.

Beliau berkata ada antara kawasan banjir sedang dibina tebatan tetapi lambat siap ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

"Kerajaan Negeri akan terus memantau dan mengambil langkah tambahan terutamanya penyediaan kolam takun-

gan banjir untuk penyelesaian jangka panjang," katanya.

Pada 26 April lalu, beberapa lokasi dilanda banjir kilat termasuk sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Tua iaitu Kampung Sungai Kertas, Kampung Sungai Tua Tambahan, Kampung Laksamana, Kampung Nakhoda, Kampung Indian Settlement Batu Caves dan Kampung Arab.

Tourism Selangor galak pelancong sertai sukarelawan

SHAH ALAM – Pelancong termasuk warga asing digalakkan terbabit dalam projek sukarelawan bagi meningkatkan kefahaman mengenai budaya dan komuniti tempatan, kata Tourism Selangor.

Badan promosi pelancongan negeri itu memaklumkan pelbagai aktiviti dijalankan bagi membolehkan pelancong turut serta dan memenuhi pengalaman percutian mereka, selain membantu merusakan kelangsungan alam sekitar di negeri ini.

"Antaranya program 'Healing Broga'

untuk dua tahun berturut-turut. Sukarelawan membersihkan kawasan Bukit Broga serta menanam tunas pokok baru bagi memelihara alam sekitar seterusnya menjadikan ia lebih rapi bagi menarik ramai pelancong.

"Kita juga pernah bekerjasama dengan Flyfirefly Sdn Bhd melancarkan kempen 'Clean and Green' di Taman Eko Rimba Kanching bagi menjaga kawasan berkenaan supaya lebih bersih selain memberi kesedaran mengenai pengurusan sisa yang betul," katanya pada 27

April lalu.

Bagi penggemar haiwan pula, Tourism Selangor menjelaskan aktiviti sukarelawan boleh dilakukan di Zoo Negara di bawah Program Zoo Negara KeeperKu seperti membersihkan sangkar, memberi makan kepada binatang dan membantu penjaga zoo dalam proses aktiviti pameran haiwan.

"Program Penjagaan Sungai (RCP) turut dijalankan di Selangor bagi menggalakkan perlindungan, pemulihan serta penggunaan potensi sungai," katanya.

Untuk beli makanan, ubat

Boleh bergerak lebih 10 kilometer

OLEH NORRASYIDAH ARSHAD

SHAH ALAM – Pergerakan lebih 10 kilometer radius dibenarkan bagi membeli makanan, keperluan harian dan ubat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa keempat.

Bagaimanapun, kelonggaran bermula pada 29 April hingga 12 Mei hanya dibe-

narkan jika barang atau perkhidmatan diperlukan tiada dalam radius 10km dari kediaman.

“Dahulu tidak boleh keluar lebih 10km kecuali atas budi bicara polis tetapi sekiranya kerajaan sudah waktarank lebih jelas,” kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada sidang media di Putrajaya pada 29 April lalu.



Jangan ambil mudah kawasan tiada kes

SHAH ALAM – Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bimbang dengan sikap penduduk di kawasan zon hijau yang mengambil mudah situasi ketidaaan kes Covid-19 di tempat mereka sehingga tidak mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kata ketua pengarah kesihatan.

Datuk Dr Noor Hisham Abdullah khuatir masyarakat semakin alpa dan menganggap wabak itu berjaya ditamatkan sedangkan ‘peperangan’ menentang Covid-19 belum sampai ke penghujungnya.

“KKM menyeru semua anggota masyarakat termasuk mereka di kawasan yang diisyiharkan sebagai zon hijau tidak leka dan kekal mematuhi PKP.

“Virus Covid-19 musuh kita bersama, namun harus diingat kelalaian dan sikap ambil mudah masyarakat pula adalah sekutu kepada virus ini,” katanya pada 25 April lalu.

Dr Noor Hisham berkata masyarakat perlu mengamalkan jarak sosial selamat



sekurang-kurangnya satu meter dari orang lain di samping mengamalkan ke-

Mengulas kelonggaran ketua keluarga dibenar membawa seorang lagi anggota ketika membeli keperluan harian, menteri kanan (kluster keselamatan) berkata keputusan itu dibuat susulan permintaan awam.

“Jika rumah itu tiada kes Covid-19 dan selamat, kita benarkan. Suami dengan isteri, isteri dengan anak atau suami dengan anak tetapi tidak lebih dari dua,” katanya.

Kebenaran tersebut diputuskan melalui Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 yang diwartakan pada 28 April lalu.

Peraturan itu berkuat kuasa pada 29 April selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Lebih 80 peratus pesakit tiada gejala

PUTRAJAYA – Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah menyatakan, lebih 80 peratus pesakit Covid-19 di dalam kategori 1 dan 2, iaitu tidak ada gejala dan gejala ringan.

Katanya, jika seseorang itu dapat dikesan pada peringkat awal dan disaring positif, beliau akan dimasukkan ke wad dan dipantau, walau-pun tidak menunjukkan gejala.

“Lebih 80 peratus pesakit kita adalah dalam kategori 1 dan 2, bererti kita dapat pantau (mereka) di hospital dan mungkin ada negara lain tidak dapat masuk hospital pun, hanya dipantau di rumah,” katanya pada 23 April lalu.

Lima kategori pesakit Covid-19 adalah :

- Tidak bergejala,
 - Bergejala ringan
 - Radang paru-paru (tidak perlu oksigen)
 - Radang paru-paru (perlukan oksigen)
 - Memerlukan bantuan pernafasan.
- BERNAMA

Kuarantin berjaya bendung wabak

SHAH ALAM – Keputusan kerajaan mewajibkan individu yang pulang dari luar negara menjalani kuarantin tepat kerana ia berjaya membendung penularan Covid-19, kata menteri kanan (kluster keselamatan).



Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata langkah itu mengekang wujudnya kluster baharu membabitkan kes import.

Seramai 131 rakyat Malaysia pulang ke tanah air sejak 3 April lalu dan menjalani kuarantin wajib disahkan positif Covid-19.

“Saya pernah sebut bayangan jika 131 ini dibenarkan pulang dan menjalani kuarantin sendirian di rumah, ia akan mewujudkan kluster baharu di mana bukan sahaja mereka, tetapi boleh merebak kepada keluarga dan masyarakat,” katanya.

Malaysia sifar malaria sejak 2018

KUALA LUMPUR – Malaysia mengekalkan status sifar malaria manusia jangkitan tempatan sejak 2018, kata Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, kejayaan untuk kekal sifar sejak 2018 perlu diteruskan selama tiga tahun berturut-turut bagi melayakkan Malaysia mendapatkan Pensijilan Eliminasi Malaria manusia jangkitan tempatan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 2021.

Walaupun Malaysia mencapai sifar malaria manusia jangkitan tempatan sejak 2018, malaria zoonotik yang berpunca daripada monyet dan kes malaria import dari negara luar masih dilaporkan di negara ini. – BERNAMA

Tepati jadual vaksin imunisasi anak

SHAH ALAM – Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meminta ibu bapa yang pulang ke kampung membuat temu janji rawatan imunisasi anak-anak di klinik kesihatan atau klinik swasta berdekatan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata walau-pun negara dalam Perintah Kawalan

Pergerakan (PKP), vaksin imunisasi terhadap kanak-kanak mesti diteruskan untuk mengekalkan imuniti tinggi.

“Program imunisasi di semua fasiliti kesihatan berjalan seperti biasa. Ibu bapa disarankan menepati jadual imunisasi dan tarikh temu janji ditetapkan.

“Elakkan daripada keciran imunisasi

untuk bayi dan kanak-kanak,” katanya dalam kenyataan sempena Minggu Imunisasi Kebangsaan pada 24 April lalu.

Beliau berkata, kelewatan pemberian imunisasi bukan sahaja boleh meningkatkan risiko penyakit campak dan polio kepada kanak-kanak malah mengancam nyawa.



Calitan dalam rongga tidak batalkan puasa

KUALA LUMPUR – Ujian calitan dalam rongga hidung dan belakang anak tekak individu bagi menyaring Covid-19 tidak membatakan puasa, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).



Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri menjelaskan kaedah memasukkan peralatan khusus ke dalam rongga hidung dan belakang anak tekak pada kadar dalaman tertentu didapati tidak membawa gambaran sebagai makan (mengenyangkan) dan minum (menghilangkan dahaga) sehingga membatakan puasa.

"Walaupun masuk (rongga hidung dan mulut), ada membahaskan ia bukan (sehingga) dalam perut yang ternyata membatakan puasa mengikut hukum syarak. Ia sekadar (masuk) panjang sejengkal dan lebih sikit," katanya yang juga bekas Mufti Wilayah Persekutuan. – BERNAMA

Tingkat kawalan sempadan

SHAH ALAM – Kerajaan akan memperketat kawalan serta pemantauan sempadan termasuk di 'lorong tikus' bagi memastikan kedaulatan negara tidak diceroboh, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Menteri kanan (kluster keselamatan) berkata sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, seramai 84 individu ditangkap kerana menceroboh melalui cara itu.

"Setiap agensi keselamatan terlibat dalam memperketatkan kawalan di sepanjang sempadan negara terutamanya 'lorong tikus' bagi mengelak pendatang tanpa izin membolosi sempadan negara, sekali gus membendung penularan Covid-19 ke dalam negara," katanya pada 25 April lalu.

Beliau berkata pihak berkuasa mengenal pasti semua laluan itu sama ada di Semenanjung atau Sabah dan Sarawak.

Pasar awam dibuka hingga 2 petang

SHAH ALAM – Operasi pasar awam antara jam 6 pagi hingga 12 tengah hari untuk tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), dilanjutkan dua jam lagi sepanjang Ramadan, kata menteri kanan (keselamatan).

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata kerajaan juga memutuskan untuk membenarkan kenderaan awam beroperasi lebih awal iaitu dari 4 petang hingga 10 malam, berbanding 5 petang hingga 10 malam sebelum ini.

Katanya, kelonggaran waktu ini diberi bagi memudahkan umat Islam membuat perseiduan berbuka puasa sepanjang Ramadan.

"SOP (tatacara operasi piawai) PKP seperti yang diumumkan sepanjang PKP 1, 2 dan 3 masih terpakai," katanya pada 23 April lalu.

Kerajaan tekad pulih ekonomi

Malaysia rugi RM2.4 billion sehari

KUALA LUMPUR – Kerajaan akan berusaha memulihkan ekonomi negara yang dilanda pandemik Covid-19, termasuk mengambil pendekatan agresif menarik pelaburan langsung asing (FDI) ke negara ini, kata Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Selepas ini, seluruh dunia mahukan pelaburan berikutnya modal dunia tidak mencukupi. Jika Malaysia tidak mengambil langkah agresif untuk menarik pelaburan dengan cara baharu dan agresif, kita akan ketinggalan."

"Kerajaan lain juga akan mengambil pendekatan dari segi teknologi dan ini memerlukan kita mengambil pendek-

tan baharu dalam semua aspek," katanya dalam temu bual khas pada 25 April lalu.

Menjelaskan keputusan kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Muhyiddin berkata kerajaan memahami kesannya kepada ekonomi tetapi tidak mempunyai pilihan lain untuk mengawal wabak Covid-19.

"Jelas terbukti sehari perniagaan kita tidak berjalan, kita rugi RM2.4 bilion. Cuba kira berapa hari sudah kita mengejakan PKP ini, kesan kepada ekonomi amat buruk."

"Saya sedar, tetapi disebabkan penting untuk mengawal wabak itu supaya tidak berjangkit dan merebak ke seluruh

negara dengan jumlah berpuluhan-puluhan ribu atau mati beribu seperti yang berlaku di sesetengah negara. Kita tidak ada pilihan," katanya.

Katanya, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat 2020 bernilai RM260 billion yang disediakan oleh kerajaan bertujuan melindungi ekonomi.

"Pakej tersebut (dirangka) supaya kedudukan ekonomi kita tidak begitu teruk sekali. Ini pun dikatakan pakej rangsangan, untuk bantuan, datang dalam satu bentuk satu jangka yang tidak terlalu panjang, mungkin antara tiga dan enam bulan sahaja," katanya. – BERNAMA

Ketua keluarga boleh bawa seorang lagi

SHAH ALAM – Kerajaan membenarkan bapa atau ibu membawa seorang lagi anggota keluarga ketika keluar membeli makanan dan keperluan harian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa keempat yang bermula 29 April lalu.

Kebenaran itu diputuskan menerusi Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 mengikut Akta

Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 yang diwartakan pada 28 April lalu.

Seksyen 4(1)(a)(ii) membenarkan seseorang itu keluar membeli makanan, ubat, keperluan harian atau barang lain dan disertai seorang anggota keluarga yang tinggal serumah.

Seksyen 4(1)(b)(ii) pula membenarkan individu yang keluar ke klinik atau hospital bagi mendapatkan perkhidmatan



jagaan kesihatan atau perubatan untuk disertai mana-mana orang lain yang perlu secara munasabah.

Kerajaan masih menggunakan peraturan sebelum ini iaitu kebenaran bergerak kepada individu untuk keluar membeli makanan, barang keperluan harian, perubatan, rawatan dan lain-lain tidak melebihi 10 kilometer (km) dari kediaman masing-masing.

Namun orang ramai diberi kelonggaran bergerak melebihi jarak berkenaan sekiranya keperluan itu tidak terdapat dalam radius berkenaan.

Seksyen 4(1)(a)(ii) membenarkan seseorang itu keluar membeli makanan, ubat, keperluan harian atau barang lain dan disertai seorang anggota keluarga yang tinggal serumah

Rangka pelan rancakkan semula ekonomi

KUALA LUMPUR – Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengarahkan Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri merangka Pelan Pemulihan Ekonomi jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang yang menyeluruh.

Menurutnya, pelan tersebut bertujuan memastikan aktiviti ekonomi dapat dipulihkan semula dengan pantas selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir.

"Tumpuan masa ini untuk mengenal pasti langkah dan inisiatif yang akan merancakkan pertumbuhan ekonomi jangka pendek dan sederhana, serta mendorong keyakinan rakyat dan pelabur untuk menjana semula ekonomi negara."

"Antara inisiatif sedang dirangka ialah membina keupayaan dan kemahiran rakyat, menggalakkan perbelanjaan domestik, meningkatkan daya tahan industri termasuk perusahaan kecil dan seder-

hana (PKS), serta memupuk persekitaran pelaburan yang lebih positif untuk masa hadapan," katanya dalam perutusan khas pada 23 April lalu.

Sementara itu beliau berkata, kerajaan akan turut menimba untuk membuka beberapa sektor dan sub-sektor yang lain tertakluk kepada syarat ketat untuk menjamin syarikat terus berdaya saing dan para pekerja dapat terus bekerja dalam persekitaran yang selamat. – BERNAMA



Muhammad 'Aifaa (kiri) bersama rakan bertugas dalam suasana bahang sambil menahan lapar dan dahaga ketika Ramadan untuk merawat pesakit Covid-19

Dugaan tambah amalan kebaikan

Tujuh jam tahan bahang PPE

OLEH AMIN RIDZUAN ISHAK

SHAH ALAM – Bertugas pada Ramadhan ketika penularan Covid-19 cukup mencabar bagi petugas perubatan kerana mereka perlu menahan lapar sambil memakai sut perlindungan diri (PPE) dalam tempoh lama.

Namun, penolong pegawai perubatan Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Muhammad 'Aifaa Ibrahim menyifatkan ia dugaan bermakna bagi menambah amalan kebaikan dengan merawat pesakit biarpun berbahang

makai PPE sekurang-kurangnya tujuh jam.

"Pada hari pertama puasa saya ditugaskan di Zon X menempatkan pesakit mempunyai gejala Covid-19 yang memerlukan pemakaian PPE bagi mengelak jangkitan, bayangkan menahan bahang dari jam 2 petang hingga 9 malam.

"Apabila tiba waktu berbuka puasa hanya dapat meneguk sedikit air kerana perlu meneruskan tugas, selepas selesai baharu dapat makan dan solat maghrib secara bergilir-gilir dengan

rakan," kata petugas di Jabatan Keemasan HTAR di sini pada 26 April lalu.

Anak jati dari Kuala Selangor berusia 32 tahun menerima cabaran berkenaan dengan hati terbuka dan berharap tugas serta ibadatnya diterima Allah.

"Walaupun berat, ini pengorbanan kami demi keluarga, negara dan agama.

"Bertugas ketika penularan Covid-19 mengubah cara kerja kami berbanding Ramadan sebelum ini, ia bukannya mudah tetapi harus dilakukan untuk memberikan rawatan terbaik," kata bapa kepada tiga anak.

PM sertai pemimpin dunia gesa hasilkan vaksin



Petugas kesihatan menunjukkan sampel ujian saringan Covid-19 yang dibuat melalui kaedah pandu lalu di Seksyen 7, Shah Alam pada 20 April lalu

KUALA LUMPUR – Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 25 April lalu menyertai beberapa pemimpin dunia dalam menggesa kolaborasi global untuk menyegerakan usaha penghasilan vaksin untuk Covid-19 yang menjaskan dunia dengan teruk.

Bercakap pada pelancaran Akses kepada Peralatan Covid-19 (ACT) dihoskan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) menerusi tele-sidang disiarkan secara langsung, beliau menawarkan sokongan penuh Malaysia terhadap kerjasama global penting itu.

Beliau berkata dunia perlu saling bekerjasama untuk menyegerakan

pembangunan dan pengeluaran peralatan dan vaksin serta memastikan akses sama rata di peringkat global terhadap teknologi kesihatan penting yang baharu bagi Covid-19.

"Malaysia komited sepenuhnya untuk menjadi sebahagian usaha yang terikat dengan masa ini dan turut serta dalam penghasilan dan pembuatan beberapa peralatan dan vaksin ini sebaik sahaja diperlukan.

"Saya menggesa pemimpin, penderma, sektor swasta dan komuniti saintifik di seluruh dunia untuk menyokong usaha penting ini bagi memenangi perang terhadap Covid-19," katanya. – BERNAMA

Kadar pengangguran diketahui 8 Mei

KUALA LUMPUR – Kadar pengangguran sepanjang Mac lalu susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan Covid-19 hanya akan diketahui bulan depan.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata Kadar pengangguran bagi Mac akan diterbitkan pada 8 Mei depan.

"Kesan pengangguran susulan pelaksanaan PKP akibat penularan wabak 19 yang diisyiharkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac lalu dijangka dapat dilihat pada indikator tenaga buruh Mac 2020 dan keseluruhan tahun 2020," katanya pada 29 April lalu.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan kadar pengangguran pada Januari lalu adalah 3.2 peratus dan meningkat kepada 3.3 peratus pada Februari.

Ramai warga asing positif virus

SHAH ALAM – Seramai 638 penghuni, termasuk 388 warga asing, dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kuala Lumpur didapati positif Covid-19, kata Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Ketua pengarah kesihatan berkata pendekatan tertumpu yang diambil kerajaan setakat ini membawa hasil bagi mengekang penularan nya.

"Kementerian Kesihatan menjangkakan lebih banyak kes positif akan dikenal pasti dalam masa terdekat memandangkan aktiviti pendekatan bertumpu ini masih diteruskan," katanya pada 26 April lalu.

Plus pastikan lebuh raya selamat

KUALA LUMPUR – Plus Malaysia Bhd (Plus) meneruskan perkhidmatan dan menyediakan persekitaran selamat kepada mereka yang perlu menggunakan lebuh rayanya untuk mengangkut barang penting atau pulang ke rumah masing-masing seperti ditetapkan kerajaan.

Pengarah Urusannya Datuk Azman Ismail berkata PlusRonda serta pasukan pejabat bahagian dan Pusat Pemantauan Trafik (TMC) akan memastikan pengguna dalam keadaan selamat serta selesa ketika melakukan perjalanan di sepanjang 1,100 kilometer lebuh raya miliknya.

"Plus bersetuju dengan semua usaha dilakukan bagi menghentikan penularan Covid-19 dan gembira melihat penguatkuasaan amalan penjarakan sosial serta penjagaan kebersihan yang betul menjadi normal baharu ditetapkan pihak berkuasa ke atas semua pengguna lebuh raya."

"Kami akan terus berganding bahu dengan semua pihak berkuasa penting ini dan berseidia sepenuhnya dalam menghadapi sebarang kemungkinan di lebuh raya kami," menurutnya dalam kenyataan pada 25 April lalu. – BERNA-MA



AS catat sejuta kes, korban lebih 58,000

WASHINGTON - Sebanyak sejuta kes Covid-19 dicatatkan di Amerika Syarikat pada 28 April lalu ketika negara itu mahu mengambil langkah menjalani kehidupan seperti biasa dengan membuka semula ekonominya.

AS yang mana berjuta-juta rakyatnya sudah hilang pekerjaan, kini mencapai tahap mengerikan apabila mencatatkan 58,365 kematian, kehilangan nyawa yang lebih besar daripada yang dicatatkan oleh tentera AS dalam Perang Vietnam.

Di sebalik kegembiraan ke atas kelonggaran berperingkat yang akan diambil, wujud keimbangan mengenai peningkatan kes baru selain kemelesetan ekonomi akibat wabak Covid-19, lapor AFP.

Peningkatan jumlah keseluruhan 1,010,77 kes Covid-19 dianggap bencana kesihatan awam di AS yang boleh mengancam peluang pemilihan Presiden Donald Trump.

Tetapi beberapa negara di Eropah pula dilaporkan berlaku penurunan jumlah jangkitan, dan pemerintah setiap negara terbabit mulai membuat perancangan untuk menarik semula penutupan ekonomi.

Bukan alasan longgar kawalan

Pesakit sembuh boleh dijangkiti semula

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Pesakit Covid-19 yang sembuh diingatkan terus berjaga-jaga kerana mereka boleh dijangkiti semula malah angka kematian global meningkat melebihi 200,000 orang, kata Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Agensi itu berkata kadar pesakit sembuh tidak boleh dijadikan alasan bagi sesebuah negara melonggarkan kawalan untuk merancakkan semula ekonominya.

"WHO menentang langkah terburu-buru melonggarkan kawalan kerana walaupun disahkan pulih, masih terdapat kemungkinan seseorang itu dijangkiti Covid-19 semula.

"Sehingga kini, tiada bukti menunjukkan individu yang sembuh daripada wabak ini mempunyai antibodi dan akan terselamat daripada jangkitan kedua," katanya seperti dilapor Berita Harian pada 27 April lalu.

Agensi di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) itu bimbang



Pegawai perubatan memeriksa maklumat pesakit yang disahkan bebas jangkitan Covid-19 di sebuah hospital di Wuhan pada 4 Mac lalu. Foto AFP

golongan yang menganggap diri mereka 'kebal' selepas sembuh akan memandang remeh langkah keselamatan disyorkan apabila kembali bekerja.

Keyakinan tidak berasas itu dikhuatir

menjadi ancaman kepada orang lain kerana golongan berkenaan mungkin tidak lagi mahu memakai penutup hidung dan mulut kerana menganggap tidak akan membahayakan orang lain.

ADVERTORIAL

PKNS lancar inisiatif bantu usahawan hadapi cabaran Covid-19

SHAH ALAM – Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) melalui Bahagian Pembangunan Usahawan melancarkan kempen 'Raya Bersama PKNS' dengan kerjasama platform e-dagang, Shopee Malaysia dan Majlis Teknologi Maklumat dan E Dagang Selangor (SITEC).

Program diteruskan untuk tahun kedua ini melibatkan 51 usahawan di bawah program PKNS BizClub bermula 15 April hingga 15 Mei, bertujuan membantu usahawan menghadapi cabaran perniagaan ketika wabak Covid-19.

Melalui inisiatif ini, semua usahawan PKNS akan dikumpulkan dalam satu laman khusus yang akan diiklankan di halaman utama web Shopee dan pembeli berpeluang menerima syiling pulangan tunai sehingga 20 peratus apabila melakukan pembelian bersama usahawan PKNS.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Dato Mohd Azizi Mohd Zain, berkata produk ditawarkan usahawan meliputi pakaian raya, kuih dan biskut raya serta keperluan kecantikan dan aksesori sempena Syawal.

"Kami sangat berbesar hati kerana dapat meneruskan kerjasama strategik ini untuk tahun kedua bersama antara platform e-dagang terbesar rantau ini, Shopee dan mendapat sokongan penuh SITEC dalam merancakkan



ekonomi digital di Selangor." katanya.

Beliau menambah program Raya Bersama PKNS diharap menjadi medium terbaik untuk usahawan PKNS mendepani cabaran perniagaan ketika menghadapi wabak COVID-19.

"Keputusan kempen tahun lalu kami bersama Shopee sangat memberangsangkan. Ada usahawan yang telah menjana jualan sebanyak

RM20,000 dalam masa sebulan.

"Kami amat teruja dan berharap lebih ramai dapat mencatat rekod seperti ini. Inisiatif kami bersama Shopee dapat meningkatkan kesejahteraan dan pendapatan rakyat."

Sokonglah usahawan Selangor menerusi talian berikut:
shopee.com.my/m/raya-bersama-pkns



Saat ini kita sedang berada dalam fasa keempat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Buat umat Islam, ini merupakan pengalaman yang sangat berbeza untuk menjalani ibadah puasa dengan wabak Covid-19 melatari setiap tingkah perbuatan kita.

Namun sudah semestinya kita bersyukur kepada Allah SWT yang memberikan kesempatan untuk sekali lagi bertemu dengan Ramadan, bulan menjanjikan rahmah, magfirah dan juga perlepasan dari api neraka.

Bukan sahaja kita di Malaysia ini perlu mengubah cara kita mengimarahkan Ramadan tetapi juga saudara-saudara muslim kita di seluruh dunia turut sama menghadapi cabaran ini. Tidak ada solat tarawih berjemaah di masjid, tiada majlis berbuka puasa besar-besaran dan moreh juga tidak ada kunjung-mengunjung ke bazar Ramadan.

Pun begitu seperti dalam hal-hal yang sukar, ada hikmah yang dapat memberikan peluang kepada kita untuk terus melaksanakan kebaikan sebagai khalifah Allah di muka bumi ini.

Antara peluang yang mungkin jarang untuk kita dapatkan adalah masa yang banyak bersama keluarga apatah lagi di bulan Ramadan ini kita dapat menunaikan solat tarawih berjemaah, saling bertadarus dan memeriksa bacaan al-Quran masing-masing dan banyakkan berselawat dan berdoa kepada Allah SWT.

Saya percaya ini adalah peluang keemasan untuk kita mengukuhkan lagi hubungan sesama suami dan isteri, ibu bapa dan juga anak-anak.

Peluang alam rawat diri

Minggu lepas, saya ada menyentuh sedikit tentang 'new normal' atau kebiasaan baharu ini. Banyak ulasan dan komentar tentang istilah ini yang sebenarnya menunjukkan bahawa penularan Covid-19 pada peringkat global ini adalah satu peristiwa yang mempunyai kesan yang dapat mengubah banyak perkara termasuklah kesan terhadap alam sekitar.

Flora dan fauna turut mendapat manfaat daripadanya dalam pelbagai laporan akhbar, daripada penurunan jejak karbon sehingga kepada kejernihan sungai dan air laut. Kita tidak perlu tanya pakar untuk menyaksikan kebersihan Sungai Klang dengan mata dan kepala sendiri.

Di Selangor juga, KDEB Waste melaporkan penurunan sisa sampah pepejal turun sebanyak 14.8 peratus di semua 14 PBT sewaktu PKP.

Antara berita-berita yang muluk ini, suatu mimpi negeri mungkin akan berlaku tak lama lagi. Dalam sebuah pengumuman baru-baru ini, Dana



PEKERJA PERLU TANGANI PERUBAHAN HIDUP

SEDIA DEPANI PASCA COVID-19

Kewangan Antarabangsa (IMF) telah mengaku bahawa jangkaan awal mereka berkenaan dengan kesan ekonomi wabak Covid-19 ke atas 170 negara adalah 'terlalu optimistik'.

Begitu juga dengan unjuran Bank Dunia bahawa perkembangan ekonomi Malaysia berada pada paras -0.1% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Kenyataan sebegini tidaklah begitu mengejutkan kerana saat ini kita sedang menghadapi suatu keadaan yang tidak pernah kita hadapi sebelum ini; suatu yang dipanggil 'The Great Unknown'.

Justeru, terdapat pelbagai bentuk tindakan yang diambil oleh negara-negara akibat wabak ini sama ada 'full lockdown' seperti di Wuhan, Perintah Kawalan Pergerakan seperti di Malaysia atau selembut-lembut anjuran penjarakan sosial sahaja seperti di Sweden.

Yang pasti, banyak industri yang terjejas. Para petugas baris hadapan sedang bertungkus lumus tanpa penat lelah menguruskan pandemik ini. Dan gaya hidup kita semua turut berubah.

Pelbagai insentif ringan beban pekerja

Baru-baru ini, kita dikejutkan dengan pemotongan gaji secara sukarela oleh beberapa pengurusan korporat Malaysia. Ada antara syarikat gergasi ini memotong sehingga 40 peratus daripada

gaji, sementara banyak yang tidak lagi mengambil pekerja baru.

Sedikit demi sedikit manfaat kebijakan pekerja juga terpaksa dibatalkan bagi mengelakkan pekerja sedia ada daripada dibuang. Itulah antara dilema yang dihadapi oleh pengurusan syarikat saat wabak Covid-19 mengganas.

Kerajaan Negeri telah mengambil langkah yang cepat dan wajar bagi membantu mengurangkan beban pekerja dan mereka yang terbeban, seperti RM40 juta insentif buat penjaja berlesen dan RM12 juta pengecualian sewa premis kepada penjaja, juga RM100 juta untuk kecairan tunai Pengusaha Kecil Sederhana melalui Selangor Advance.

Perihal kebijakan pekerja yang sedia ada sudah cukup merisaukan, tetapi lupakah kita akan nasib anak-anak mahasiswa tahun akhir kita?

Mereka yang kini diberi julukan Generasi Tersesat atau 'Lost Generation' ini merupakan mereka yang memilih untuk menyambung pendidikan tinggi di menara gading dengan harapan yang tinggi bahawa segulung ijazah akan menjanjikan kerjaya yang lebih baik, hanya untuk kemudiannya dihadapkan dengan realiti baharu kesan daripada wabak Covid-19.

Seperti yang kita tahu, pengangguran adalah sesuatu yang bukan sahaja tidak produktif untuk negara malah berbahaya. Banyak yang boleh kita belajar dari keresahan politik yang berlaku sebelum ini, daripada Gerakan Occupy, Jaket

Kuning di Perancis mahu pun yang lebih dekat seperti Revolusi Payung di Hong Kong dan Thailand.

Anak muda bukan sahaja mahu berkerjaya dan diberi akses kepada 'social mobility' malah mereka turut mahu kehidupan yang lebih bererti — ramai antara mereka yang sedikit berasas baik dan mempunyai kerjaya mengadu tidak menjumpai 'makna' dalam kerja mereka.

Di sutilah peranan kerajaan menjadi maha penting dalam menyediakan ekosistem yang mampu mencipta kerjaya malah mencipta kekayaan (wealth creation) yang bukan sahaja mampu meletakkan bumbung di atas kepala dan mengisi tembolok tetapi turut sama mengisi makna: sebuah kehidupan yang bermartabat.

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) ke-8 yang digariskan oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) telah menyatakan keperluan untuk meningkatkan penciptaan kerjaya, produktiviti yang lebih tinggi dan inovasi teknologi serta penggalakan keusahawanan. Dalam bahasa yang mudah: decent job and economic growth (pekerjaan yang wajar dan perkembangan ekonomi).

Selangor komited dengan rangka kerja UNDP dan akan berusaha sesungguhnya bagi mencapai SDG ke-8. Sejumlah besar belanjawan diperuntukkan untuk usaha ini, termasuk mengupayakan TVET dan juga penubuhan Institut Pemberdayaan Pekerja bagi mendepani cabaran IR4.0.

IR4.0 yang sering disebutkan sebelum ini sudah pun bermula tanpa kita sedari. Rakyat boleh bekerja dari rumah, malah kebanyakan urusan kerajaan dapat diselesaikan dalam talian.

Selangor turut mencipta sejarah dengan memperkenalkan Selangor Tutor, platform dalam talian untuk pembelajaran serta beberapa inovasi lagi sewaktu PKP seperti Platform Selangor (PLATS) dan e-Bazar Raya Selangor Bersama Shopee.

Masanya telah tiba untuk terus memacu ke hadapan. Inisiatif digitalisasi yang kita sebut Smart Selangor semenjak 2016 lagi kini menjadi suatu realiti. Seperti yang sering saya sebutkan kepada para penjawat awam, sekiranya kita tidak berubah dan berada di takuk yang lama, kita akan ditinggalkan.

Begitulah pesanan saya kepada para pekerja sama ada yang baharu maupun veteran: tingkatkan kemahiran, dan teruskan penerokaan dalam inovasi serta penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Bersama-sama kita bangunkan semula kehidupan dan negeri bersama-sama IR4.0 dalam menghadapi 'new normal' pasca Covid-19 ini.

Selamat Hari Pekerja.



1




2



3



4



5



10



11

Ramadan dihimpit sepi Gemakan kalimat Ilahi

Ramadan datang lagi bersama keberkataannya, namun kali ini ia disambut dalam hening kesepian. Wabak Covid-19 yang merenggangkan hubungan silaturahim menjarakkan umat Islam daripada rutin bulan mulia ini.

Tapak bazar Ramadan lengang tanpa asap dapur juadah dan riuh pengunjung bertali arus. Masjid tinggal sunyi dan sayu dari pada panggilan tarawih. Umat Islam masing-masing terkepung di rumah akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Jauh di sanubari, dari segenap pelusuk dunia mereka menadah tangan memuji Ilahi, memohon keampunan Maha Pencipta, agar wabak ini segera berakhir, selain meraih keberkatan-Nya.

Foto yang disediakan oleh **Asri Sapie**, **Remy Arifin** dan **Fikri Yusof** merakamkan perbezaan rentak kehidupan dalam kebiasaan baruu.

1 & 2 Aneka juadah dijual di Jalan Taiping, tengah bandar Klang, pada 18 Jun 2018 (foto ihsan Faiq Ahmad). Namun jalan itu kini kelihatan kosong tanpa pengunjung pada 28 April 2020, hari kelima sambutan bulan mulia itu.

6 & 7 Penduduk Shah Alam bersama keluarga dan sahabat handai ramai-ramai berbuka puasa di kawasan lapang Dataran Kemerdekaan di bandar ini pada 19 Jun 2017. Namun wabak virus memaksa kawasan ini ditinggalkan begitu sahaja pada 29 April 2020 akibat PKP.



3 & 4 Pengunjung bersesak membeli juadah untuk berbuka puasa di Bazar Ramadan Seksyen 13, Shah Alam pada 6 Mei 2019 tetapi kawasan di tepi Stadium Malawati itu lengang daripada keriuhan ramai pada 28 April 2020.

5 Sekumpulan kecil umat Islam dalam satu saf menghadap kiblat bersolat tarawih di Makkah pada malam kedua Ramadan, 24 April 2020. Ruang ini selalunya padat dan meriah dengan umat Islam dari seluruh dunia yang datang beribadat, khususnya pada bulan mulia ini. - foto Reuters

10 Umat Islam beribadat di bulan Ramadan berhampiran pintu pekarangan Haram al-Sharif, masjid al-Aqsa yang berkunci akibat perintah kawalan susulan wabak Covid-19 pada 27 April 2020. - foto Reuters

11 & 12 Ribuan jemaah menunaikan solat tarawih di Masjid Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 16 Mei tahun lepas tetapi kini hanya imam dan petugas utama masjid negeri dibenarkan mengimarahkan rumah Allah ini pada 28 April 2020.

9 Penghantar makanan khidmat tempahan dalam talian hanya sempat berbuka puasa di bira jalur beberapa ratus meter dari AEON Bukit Raja, Klang pada 28 April 2020 selepas menghantar pesanan pelanggan



6



12



9



13



Beli hasil tani, bantu penduduk susah

SHAH ALAM - Ahli Dewan Negeri Bukit Melawati mengambil inisiatif membeli hasil pertanian penduduk bagi membantu mereka yang mengalami kerugian sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Juwairiya Zulkifli berkata semua hasil tani kemudian diagihkan kepada kumpulan memerlukan di Dewan Undangan Negeri (DUN) berkenaan.

"Pendekatan itu diambil kerana ada petani tidak dapat menjual hasil pertanian di pasar borong, pasar tani dan pasar malam yang menyebabkan berlaku lambakan sehingga harga jualan amat rendah berbanding pasaran."

"Saya membeli 100 kilogram (kg) ubi kayu serta masing-masing 30kg sayur dan kacang panjang untuk disumbang kepada penduduk Kampung Tanjung Keramat. Situasi menang-menang wujud untuk petani dan penduduk kampung yang amat memerlukan bantuan," katanya pada 26 April lalu.

27 keluarga terima sumbangan

SHAH ALAM - Sebanyak 27 keluarga di Kampung Melayu Sungai Nangka menerima bantuan makanan dan barang dapur bagi menyambut Ramadan, kata Ahli Dewan Negeri Banting.

Lau Weng San berharap bantuan diserahkan bersama Pengerusi Majlis Perwakilan Komuniti kampung (MPKK) Banting, Azhar Borham dan Ahli Majlis Perbandaran Kuala Langat Zon 15, Ang Lee Yong pada 23 April lalu dapat meringankan beban keluarga terbabit sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Pada permulaan PKP, MPKK juga memberi sedikit bantuan kepada penduduk menggunakan peruntukan DUN. Kita juga menerima sumbangan pelbagai jenis barang daripada usahawan dan petani setempat yang kemudian diedarkan kepada penduduk kampung," katanya.

Agih 400kg ikan keli hargai petugas

SHAH ALAM - Ahli Dewan Negeri (ADN) Kuala Kubu Bharu menyumbang 400 kilogram (kg) ikan keli kepada petugas barisan hadapan di Hulu Selangor, sebagai tanda penghargaan kerana menjalankan tugas sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Lee Kee Hiong berkata sumbangan diagihkan untuk kumpulan Bilik Gerakan Keselamatan Daerah dan Bilik Gerakan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) yang terbabit tugas tanpa henti sejak 18 Mac lalu bagi membasmi wabak Covid-19.

"Kita menghantar semua ikan keli itu kepada mereka menjelang Ramadan. Terima kasih atas khidmat bakti dicurahkan," katanya pada 23 April lalu.

Pada 22 April lalu, Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri Kuala Kubu Bharu turut menyumbangkan 730kg belimbing kepada Orang Asli, MDHS, pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli dan sukarelawan di kawasan berkenaan.

Lee berkata pemberian tersebut sekali gus membantu pekebun di Ulu Yam yang kini berdepan masalah ekspor ketika PKP.

Hargai jasa petugas barisan hadapan

ADN Paya Jaras sumbang sut PPE

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

SUNGAI BULOH - Pejabat Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Jaras menyumbang kira-kira 470 sut kelengkapan perlindungan diri (PPE) serta 450 penutup hidung dan mulut kepada petugas perubatan Hospital Sungai Buloh pada 23 April lalu.

Sumbangan disampaikan Ahli Dewan Negerinya Mohd Khairuddin Othman kepada wakil kakitangan hospital berkenaan yang merawat pesakit Covid-19.

Beliau yang juga EXCO pembangunan generasi muda dan sukan serta pembangunan modal insan berkata sumbangan itu tanda sokongan kepada pa-sukan barisan hadapan.

"Pengorbanan mereka yang bertugas di hospital amat dihargai malah petugas barisan hadapan sanggup menggadai nyawa untuk menyelamatkan orang lain," katanya.

Beliau berkata sumbangan itu turut mendapat kerjasama dua badan bukan kerajaan (NGO) iaitu Pertubuhan Kebajikan Aman Puri dan 47 Cares Sungai Buloh.



Mohd Khairuddin menyerahkan kelengkapan PPE kepada petugas perubatan Hospital Sungai Buloh pada 23 April lalu.

DUN Lembah Jaya agih bantuan lebih RM100,000

SHAH ALAM - Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Lembah Jaya mengagihkan sumbangan Covid-19 fasa pertama berjumlah RM103,450 kepada kumpulan sasar, kata Ahli Dewan Negerinya.

Haniza Talha berkata bantuan barang keperluan asas diberikan kepada 2,069 keluarga kurang berkemampuan dan terjejas pendapatan susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Peruntukan ini disumbang melalui dana saya sendiri termasuk ahli majlis, ketua kampung, ketua komuniti India dan sumbangan pendernerma," katanya pada 22 April lalu.

EXCO Kerajaan Negeri berkata pihaknya juga memastikan tiada keluarga di DUN berkenaan terputus bekalan makanan sepanjang penularan wabak itu.

"Saya akan cuba bantu warga DUN Lembah Jaya yang memerlukan. Semoga semuanya berada dalam keadaan sihat dan selamat," katanya.



10,000 kit lawan virus diagih



Wong Siew Ki mengedarkan Kit Lawan Covid-19 kepada penduduk di sekitar Balakong pada 19 April lalu

SHAH ALAM - Lebih 10,000 Kit Lawan Covid-19 diagihkan kepada masyarakat di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Balakong sejak 19 April lalu, kata Ahli Dewan Negerinya.

Wong Siew Ki berkata pengagihan kit mengandungi topeng muka, sabun cecair, sarung tangan dan risalah berkaitan kebajikan Kerajaan Negeri mengekang penularan wabak tersebut.

"Agensi Pengurusan Bencana Negara memperuntukkan 171,000 penutup hidung dan mulut untuk diagihkan kepada 42,750 keluarga membabitkan lima zon di kawasan ini."

"Bagi fasa pertama, agihan dibuat di Kampung Baru dan Kampung Tradisi manakala fasa kedua di flet kos rendah meliputi zon empat hingga zon lapan," katanya.

Beliau berkata, pengedaran kira-kira 3,000 kit diteruskan dan meminta orang ramai yang belum menerimanya tidak risau kerana ia akan dihantar segera.

**ADN MERU****Fakhrulrazi Mokhtar**

Menghulur bantuan juadah sahur kepada mangsa banjir di Kampung Haji Md Sharif, Klang

**ADN SEKINCHAN****Ng Suee Lim**

Menyampaikan 1,000 kilogram ketam bunga kepada penduduk di kawasan DUN beliau yang terjejas

**ADN KUANG****Sallehudin Amiruddin**

Menyalurkan sumbangan keperluan asas kepada penduduk Bandar Tasik Puteri, Rawang

**ADN SERI KEMBANGAN****Ean Yong Hian Wah**

Memberi bantuan makanan kepada golongan berpendapatan rendah di Seri Kembangan

**ADN SIJANGKANG****Dr Yunus Hairi**

Menyerahkan sumbangan keperluan asas kepada penduduk di Pulau Carey, Kuala Langat

**ADN SUBANG JAYA****Michelle Ng**

Mengagihkan sumbangan penutup mulut dan hidung kepada penduduk di DUN Subang Jaya



Oleh Nieyna J

D menjadi vibes aku untuk kali ini— Di ruang tamu, D duduk di sofa sambil mengunyah keropok kentang. Padangannya jauh dilepaskan ke luar balkoni apartment L, melihat pinggir malam yang sepi. L, mati dalam khayalan. Kaku dalam imejan-imejan ciptaan sendiri sambil memandang sosok tubuh D yang tidak memandangnya. Namun L melebarkan senyuman. Khuldi di batang tengkuknya bergerak-gerak menelan rasa manis dari gula-gula perisa mangga dan debar dari raut wajah D yang bagi L menawan tetapi bagi aku cuma biasa-biasa sahaja.

L pernah bercerita perihal D kepadaku. Katanya dia suka melihat D tercomel-comel ketika Ali, hamster peliharaannya dilepaskan bebas di ruang tamu. Aku hanya mengangguk kepala dan mendengarnya dengan tekun. Aku melihat L seperti sebuah televisyen dan D adalah sebuah fiksi popkon yang diputar-ulang siarannya.

L pernah kata, D cantik hanya dengan sekali pandang dan aku membala kenyataan itu dengan, perempuan sebelum dilihat lelaki mereka melihat diri sendiri berpuluhan kali. L merajuk. Demi sebuah cerita, aku segera mengiyakan kata-kata L itu lalu memujuknya.

Ada sebuah cerita tentang D yang bakal dicehartakan. Sebelum L mulakan sesi, dia menyoal "kita nak makan mana malam ni?" Pen di tangannya berhenti bergerak dan buat pertama kali D memandang L dengan bersungguh-sungguh. Tiba-tiba dunia ini begitu senyap sehingga air menitis di dalam sinki juga dapat didengar.

"Tak boleh keluar rumah, sekarang perintah berkurung." Aku terpaksa bersuara dan mengekang niat L. L menepuk dahinya sekali dan membala, "Oh!". D kembali mengalihkan pandangannya ke luar balkoni sambil memutarkan

kepingan keropok kentang di dalam mangkuk kaca, aku kembali menulis sesuatu pada buku catatan dan air di sinki berhenti berbunyi.

L menyalaikan sebatang rokok, menyedut kemudian hembus ke arah titik pandang D yang melihat langit tanpa bintang dan bulan. L menyandarkan tubuhnya di sofa kemudian menyeluk kocek seluar dan menghulurkan gula-gula perisa strawberry kepadaku. Aku ambil, buka dan segera memasukkannya ke mulut.

"Kau rasa sajak itu apa?" soal L bersahaja. Seperti yang aku tahu L gemar membaca sajak tetapi tidak pernah menulisnya. Aku meletakkan pen di atas meja dan membentulkan duduk, mencari titik selesa.

"Aku tak tahu. Sejurnya aku tak tahu apa yang harus ditulis untuk membentuk sebuah sajak. Aku hanya menulis tentang jalan-jalan lengang yang aku lalui setiap hari dan percakap-percakapan rutin yang biasa didengar," balasku.

L ketawa kemudian, "sama ada kau sedar atau tidak, nada suara dalam tulisan kau selalu berubah. Kadangkala aku merasa seperti membaca diri sendiri dan kadangkala aku seperti membaca diri kau yang berperwatakan aku." Kata L. Aku hanya senyum dan memandang sekilas ke arah D yang sedikit pun tidak menghiraukan kehadiran aku dan perbualan antara aku dengan L.

Bagi kau, sajak itu apa?" Soal aku, kembali kepada tajuk perbualan kami. Aku yakin pasti ada sesuatu tentang D yang terselit pada makna sebuah sajak.

"Sajak tu macam kau hisap rokok. Nikmat dan sedap. Bila habis, kau nyalakan lagi, lagi dan lagi. Kau tahu ia memudaratkan diri kau sendiri. Tapi kau dah ketagih," balas L.

L mematikan rokoknya yang masih separuh di asbak kecil yang terletak di atas meja. Kemudian

dia membuka plastik gula-gula berperisa mangga lalu dimasukkan ke dalam mulut. "Satu lagi, sajak tu macam kau hisap gula-gula. Manis, santai dan selamat. Apabila habis rasa manis itu, lidah kau kembali tawar tanpa rasa. Kau akan bosan dengan rasa manis yang tidak membawa apa-apa makna dan kepuasan."

Aku terjeda untuk beberapa ketika. Kata-kata L membuatku melihat dirinya di luar lingkungan kebiasaan aku melihatnya. L menarik senyuman manis di bibirnya dan saat ini kami berkongsi tatapan yang sama. Aku pandang L, L pandang aku. Semiliar malam yang menjengah masuk dari pintu balkoni yang terbuka luas menyentuh rambut L yang keriting. Membelai gerak rambutnya ke kiri dan ke kanan. Hati aku berdebar.

"Roy, hati kau keras!" Aku dan L tersentak. Lamunan kami terhenti dek bunyi yang keluar secara tiba-tiba dari televisyen, dialog yang diucapkan oleh seorang pelakon di dalam filem Gila-gila Remaja. D memohon maaf kerana tertekan volume di paras maksimum dengan mata yang dibuat bulat-bulat, menyengetkan kepala kemudian berkelip laju-laju seperti pari-pari dari kayangan. Begitulah D, gerak tubuhnya lebih banyak bercakap daripada mulutnya.

"Comel" Bisik L secara spontan yang dapat didengar oleh telingaku tetapi aku berpura-pura tidak mendengarnya.

"Aku dah faham sekarang, sajak adalah proses. Itu sebenarnya yang kau maksudkan, betul kan?" Aku menebak.

L terkekeh ketawa. Entah apa yang mencuit hatinya aku malas hendak bertanya lebih.

"Ya betul. Sajak itu proses. Setelah selesai dan aku tahu bagaimana membentuknya aku akan berhenti."

"Kenapa?" Aku meminta penjelasan.

L menyalaikan rokok kedua. Hisap dan hembus ke arah mukaku. Aku terbatuk-batuk manakala L ketawa kecil memandangku yang mengibas asap rokok jauh dari ruang pernafasanku dengan buku catatan.

L berpusing ke arah D sekali lagi kemudian, "sebab aku letih dan aku nak nikmati sajak yang sebenar-benarnya sajak." Balas L.

Dia diam seketika, menyedut rokok kemudian hembus dan, "sajak seharusnya membuatkan kau berdebar, berenigma dan tidak seharusnya kau bogelkan ia dengan merungkai maksudnya satu-persatu. Biarkan ia terbentuk begitu, ia cantik begitu. Macam kau makan gula-gula. Kau koyak bungkus plastik dan nikmatinya sampai habis. Apabila habis kau akan terfikir, alangkah bagusnya jika aku tidak membuka bungkus itu, hati dan seluruh deria rasa kau akan sentiasa berdebar untuk tahu seperti apa manisnya dia. Aku suka perasaan seperti itu." Terang L dengan panjang lebar.

"Macam rasa kau untuk D?" tanya aku. L senyum nipis dan menggelengkan kepalanya perlahan-lahan sebagai jawapan dan aku hanya tersengkeh.

Nada panggilan telefon aku berbunyi, tiba-tiba segala menjadi pegun dan berubah bentuk. L kaku sambil memegang sebatang rokok, D kaku berbaring di atas sofa. Pintu balkoni tertutup, gula-gula kembali ke dalam bungkus plastik, rokok-rokok di asbak kembali ke dalam kotak, ruang tamu apartment L perlahan-lahan berubah menjadi halaman buku catatan. Sambil menghisap manis dari gula-gula strawberry aku menekan dakwat hitam dengan kuat, membunuh L dan D dengan tanda noktah. Maka tamatlah idea tentang D yang digerakkan oleh L.

Aku tersenyum puas kemudian mengangkat panggilan, "Hello, cerpen dah siap!"

Rokok dan sebiji gula-gula strawberry

Resipi kuarantin masam manis

Air sejuk dilumurkan secukupnya kalimah cinta ditambah baucuhan doa sedikit sinar sang mentari udara segar ekstra dari bumi rendam kuarantin beberapa hari dalam minda sehingga mengembang lembut ke jiwa.

Tumis kreativiti, kerja, hobi sampai garing larutkan masalah dengan senyuman di wajah tambah perasa gula dengan keluarga sakinah gaul sebatи segala bahan sehingga empuk.

Hidang buat keluarga dan sanak-saudara serta rakyat jelata seantero dunia bungkus, hantar bersama-sama sekeping doa moga kuarantin masam manis berjaya menghasilkan manusia yang bersyukur sentiasa.

Asyiqin Adir





Foto ihsan
Local Guides Connect

AYAM NASI INGKUNG

Berasal dari Indonesia, hidangan ini wujud sejak kerajaan Jawa yang dipengaruhi agama Hindu. Ia kelihatan seperti nasi ayam tetapi menggunakan ayam kampung. Makanan ini sangat terkenal suatu masa dahulu dalam kalangan masyarakat Jawa di Selangor yang dimasak bersama daun salam dan kelapa. 'Ingkung' bermaksud penyerahan diri kepada Tuhan dan lambang kesucian seperti seorang bayi tanpa sebarang dosa. Ia disajikan pada acara keagamaan sebagai lambang kesyukuran termasuk sajian ketika Ramadan.

KUIH BUGIS MANDI

Berbentuk bebola, seperti buah Melaka, ia juga dikenali sebagai Puteri Berendam, sejenis manisan berinti kelapa parut dan dihidang bersama kuah santan. Untuk menghasilkannya memerlukan tepung pulut, tepung sagu, santan cair, pewarna makanan dan garam. Bahan untuk inti pula gula pasir, gula merah, tepung gandum, kelapa parut, air dan garam. Untuk membuat inti, masak gula dengan air hingga pekat, kemudian masukkan kelapa parut, tepung gandum dan garam. Kacau hingga campuran sedikit kering. Untuk kuah santan pula, masak tepung beras, santan, garam serta daun pandan hingga mendidih.



Foto ihsan
KKN Selangor

Semakin ditelan kemodenan **Juadah tradisi gamit nostalgia Ramadan**

Dengan pelbagai tradisi, adat apatah lagi wujud pelbagai suku kaum di sembilan daerah di negeri ini, ada pelbagai juadah tradisi yang dahulunya sering menjadi hidangan istimewa tiap kali kedatangan Ramadan tetapi kian dilupakan generasi baharu. Wartawan pelatih SHIQIN SHUKOR dan MUNIRAH AHAMAD mengupas perihal lima juadah berdasarkan maklumat umum.

KUIH LEMPER PULUT AYAM

Antara hidangan masyarakat Jawa yang mudah didapati ketika Ramadan tetapi kini dilupakan. Ia sebenarnya pencuci mulut berasaskan pulut dan diisi inti ayam atau daging yang dibalut daun pandan dalam bentuk empat segi sebelum dikukus. Daun pandan yang digunakan sebagai pembalut menaikkan aroma makanan. Ia berasal dari Yogyakarta, Jawa Tengah dan Jawa Timur. Ia juga mirip onigiri, makanan Jepun.



Foto ihsan
IDN Times

HOROK-HOROK

Ia antara salah satu tradisi Selangor yang langka. Bahan asasnya mudah kerana diperbuat daripada tepung jagung yang dikukus selama 15 minit. Selepas siap dimasak, ia akan dipotong kecil supaya mudah dimakan bersama bakso atau hidangan lain. Horok-horok pernah menjadi makanan utama menggantikan nasi pada zaman dahulu kerana teksturnya yang kenyal.




Foto ihsan
My Resipi

ACAR DAGING

Jarang kita dengar acar menggunakan daging sebagai bahan asas. Acar daging antara sajian pada Ramadan suatu ketika dahulu. Jika tidak gemar daging lembu, boleh ganti dengan ayam selain ditambah kismis. Mengikut Buku Kompilasi Masakan Selangor tulisan Saadiah Mohamad, rasanya pedas dan sesuai dihidangkan bersama nasi panas sebagai juadah berbuka.





Ubah suai premis perlu kelulusan

SHAH ALAM - Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) memaklumkan sebarang kerja ubah suai dan pembangunan diluluskan pihaknya, akan diberi lanjutan masa mengikut tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Bagaimanapun, pihak berkuasa tempatan itu berkata sambungan kerja perlu mengemukakan salinan kelulusan Kementerian Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

"Kerja baik pulih bangunan membabitkan keselamatan pemilik premis perlu mengemukakan permohonan di Jabatan Kawalan Bangunan MDSB terlebih dahulu," katanya pada 25 April lalu.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh dikemukakan melalui messenger Facebook MDSB atau emel aziera@mdsb.gov.my.

Nyahkuman di pangsapuri

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menjalankan operasi nyahkuman di pangsapuri kos rendah yang tidak berupaya menjalankan kerja pembasmian di kawasan masing-masing, kata yang diperluinya.

Noraini Roslan berkata terdapat 122 lot pangsapuri kos rendah dengan 40 daripadanya tidak berupaya menuju ke badan pengurusan bersama dan MPSJ melaksanakan operasi itu dengan kerjasama Jabatan Bomba Dan Penyelamat Negeri Selangor.

"Inisiatif pertama kali ini untuk memastikan semburan nyahkuman dilakukan di kawasan pangsapuri kos rendah tidak mempunyai badan pengurusan yang baik dan lengkap.

"Bomba juga memberi tunjuk ajar kepada penduduk berhubung proses pembasmian supaya langkah ini dapat dijalankan setiap masa," katanya pada 22 April lalu.

Rumah jadi pusat pantang kena notis

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Klang (MPK) pada 23 April lalu mengeluarkan notis amaran kepada pemilik kediaman di Jalan Sumazau, Bandar Bukit Raja yang didapati mengubah suai premis menjadi pusat penjagaan wanita berpantang.

MPK dalam kenyataan berkata pihaknya melaksanakan operasi bersepada di dua premis di lokasi berkenaan selepas mendapat aduan awam.

"Selain ubah suai dilakukan tanpa kebenaran, pemeriksaan juga mendapati premis awam itu beroperasi tanpa lesen dengan 15 bilik digunakan untuk penjagaan wanita berpantang."

"Susulan itu notis pemberitahuan Salangguna Bangunan dan Ubahsuai tanpa kelulusan dikeluarkan di tapak premis," katanya.

Saluran e-dagang baharu

Klang i-Plaza pusat sehenti usahawan

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Klang (MPK) memperkenalkan Klang i-Plaza, saluran e-dagang baharu bagi memudahkan orang awam berniaga dan menghantar makanan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menerusi hantaran di Facebook, MPK memaklumkan laman digital itu berfungsi sebagai pusat sehenti untuk usahawan dan peniaga di daerah terbabit mempromosikan produk masing-masing.

"Inisiatif ini membantu penduduk Klang meneruskan aktiviti ekonomi dan (peniaga atau usahawan perlu) hadkan pergerakan serta sentiasa mengamalkan jarak sosial satu meter ketika menghantar makanan (kepada pelanggan)," katanya.

Sebarang maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Jabatan Pelesenan dan Penjaja MPK di talian 03 3375 5555 sambungan 6800/8307.



Pasar raya kotor dapat tiga notis

BANTING - Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) mengeluarkan tiga notis kesalahan kepada pengusaha sebuah pasar raya pada 23 April lalu selepas pemeriksaan menemui beberapa lipas berkeliaran di papan pemotong sayur.

Yang Dipertua Mohamad Zain A Hamid berkata pemeriksaan pegawai kesihatan turut mendapati premis terbabit beroperasi dalam keadaan kotor dan menjijikkan.

"Pemilik premis tersebut melakukan kesalahan di bawah Seksyen 15 dan 34(2) Undang-Undang Kecil Establisemen Makanan (MDKL) 2007 serta Seksyen 18 Undang-Undang Kecil Perniagaan dan Perindustrian (MDKL) 2007," katanya.

Beliau mengingatkan peniaga sentiasa menjaga kebersihan premis kerana pihaknya tidak teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang gagal mematuhi peraturan.

"Kepada peniaga yang sudah diambil tindakan diharap tidak mengulangi kesalahan sama pada masa akan datang," katanya.



Seorang peniaga dilihat mengemas peralatan perniagaan ketika pemeriksaan Jabatan Undang-Undang MPK pada 23 April lalu

14 premis tiada lesen diarah tutup

SHAH ALAM - Sebanyak 14 premis di Kampung Jawa dan Sungai Kapar Indah, Klang yang beroperasi tanpa lesen diarah tutup pada 21 April lalu oleh Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Kesalahan itu dikesan dalam pemeriksaan susulan diketuai Pengarah Undang-Undang MPK Datin Fadzilah Abdul Aziz di dua lokasi berkenaan.

"Sebanyak lapan premis diperiksa di Kampung Jawa dengan empat daripadanya diarahkan tutup kerana tidak mempunyai lesen.

"Di Sungai Kapar Indah, sebanyak 38 premis perniagaan perik-

sa dan 10 daripadanya diarahkan tutup kerana tidak berlesen," kata MPK.

MPK turut menasihatkan peniaga supaya mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan sehingga 28 April ini.

"Pengusaha premis berlesen lain diminta menyediakan cecair pembasmi kuman, mengawal penjarakan dan jumlah pelanggan dalam kedai."

"Pelanggan juga hendaklah dipastikan menggunakan topeng muka. Barang perniagaan yang diletakkan di luar premis dan menyebabkan halangan diarah dialihkan segera," katanya.

PKP diperketat di Selayang Baru

MPS permudah operasi bantuan

OLEH NADIAH ZAMLUIS

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) sedia membantu kelancaran operasi di kawasan Selayang Baru yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula 25 April lalu, kata yang dipertuanya.

Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor berkata pihaknya juga melakukan proses nyahcemar di lokasi panas lebih awal sebelum PKPD diumumkan kerajaan.

"Pada masa sama, MPS bekerjasama dengan menyediakan kenderaan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat atau agensi lain untuk proses mengagih bekalan makanan kepada penduduk selain bantuan khemah dan air ke pondok kawalan anggota penguat kuasa," katanya.

Pada 25 April lalu, kerajaan memutuskan enam zon di Selayang Baru, Gombak diisytiharkan sebagai kawasan PKPD sehingga 3 Mei.

Sementara itu, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata, Kerajaan Negeri akan membendung penularan wabak dengan Pejabat Daerah Gombak dan MPS menjalankan pemantauan keadaan semasa terutama aspek bekalan makanan buat penduduk.

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor juga melaksanakan ujian Covid-19 kepada semua penduduk di zon tersebut pada kadar segera bagi mengenal pasti individu yang positif.



Suasana sekitar perumahan di Bandar Baru Selayang yang merupakan antara kawasan yang dikuatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) ketika tinjauan SelangorKini pada 29 April 2020

PKPD melibatkan enam zon

ZON A	Jalan Indah 3 dan Jalan Indah 5A, Selayang Indah
ZON B	Jalan Indah 21, Lembah Indah, Selayang Baru
ZON C	Jalan Besar Selayang Baru, Jalan 1 dan Jalan Indah 21, Selayang Baru
ZON D	Jalan 3, 5, 7 dan 9, Selayang Baru
ZON E	Jalan 2, 4, 6 dan 8, Selayang Baru
ZON F	Blok A, B dan C, Selayang Makmur

MPSJ jahit 2,000 tudung, bantu petugas hadapan



Noraini Roslan (kanan) melihat proses pembuatan peralatan perlindungan diri (PPE) oleh sukarelawan di Kompleks 3C, Bandar Sunway

SHAH ALAM - Sukarelawan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menyiapkan 1,991 pelindung kepala yang juga sebahagian sut perlindungan diri (PPE) sejak 14 April lalu untuk dibekalkan kepada petugas barisan hadapan, kata yang dipertuanya.

Noraini Roslan berkata ia untuk kegunaan golongan yang bertugas di pusat kesihatan berhampiran.

"Idea membuat PPE ini mula tercetus ketika hadir di Klinik Kesihatan (KK) Seri Kembangan. Doktor dan jururawat terpaksa menjahitnya sendiri sehingga menganggu tugas hakiki," katanya.

Setakat 25 April lalu, 1,681 pelindung kepala sudah diserahkan kepada wakil KK Seri Kembangan, Dr Nur Hidayah Mustafa manakala selebihnya dihantar ke Pejabat Kesihatan Daerah untuk diedarkan ke KK serta hospital memerlukan.

Virus: Dua pasar awam ditutup

SHAH ALAM - Pasar Besar Jalan Othman dan Pasar Awam Taman Megah di Petaling Jaya, ditutup mulai 27 April lalu untuk proses nyahkuman.

Langkah itu susulan seorang peniaga di salah sebuah pasar tersebut disahkan positif Covid-19 pada 25 April lalu selepas mengalami demam panas.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) melalui kenyataan di Facebook memaklumkan penutupan dibuat atas arahan Datuk Bandar Dato' Mohd Sayuthi Bakar sehingga diberitahu kelak.

Berikutan itu, seramai 60 peniaga di premis tersebut turut menjalani ujian dan saringan Covid-19 serta pengesahan kontak rapat dilakukan.

Warga asing ingkar PKP ditahan

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dengan kerjasama polis menahan tujuh warga asing dalam operasi bersepadu pada 26 April lalu kerana ingkar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pihak berkuasa tempatan itu dalam keadaan memaklumkan operasi di Bukit Naga dan Jalan Kebun turut mendapat mereka tidak mempunyai permit kerja, dengan lima kompaun dikeluarkan.

"MBSA juga menjalankan pemeriksaan ke atas sembilan premis, dengan dua daripadanya dikenakan tindakan kompaun manakala dua lagi diarah tutup serta merta di Jalan Kebun," katanya.

MBSA menasihat warga Shah Alam terus kekal di rumah dan patuh terhadap PKP yang ditetapkan kerajaan.

256 tong RORO sempena Aidilfitri

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyediakan 256 tong 'Roll On Roll Off' (RORO) secara percuma bagi memudahkan orang ramai membuang sampah pukal sempena sambutan Aidilfitri nanti, kata ketua bahagian korporat dan perhubungan awamnya.

Shahrin Ahmad berkata perkhidmatan tersebut ditempatkan di beberapa lokasi secara berperingkat bermula 30 April sehingga 14 Mei.

"Tong RORO bersaiz tiga tan diletakkan di Seksyen 2 hingga Seksyen 36 dan Seksyen U1 hingga Seksyen U20 dengan tempoh penempatan di setiap lokasi selama tujuh hari atau bila-bila masa penuh akan ditarik serta dibersihkan."

"Orang ramai boleh membuang sampah pukal seperti perabut lama dan barang elektrik termasuk almari, sofa dan tilam ke dalam tong tersebut," katanya pada 28 April lalu.



Kuis sedia van, bas hantar pelajar

SHAH ALAM - Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis) menghantar pulang 40 pelajarnya ke rumah menggunakan bas atau van institusi itu secara berperingkat bermula 27 April lalu, kata rektornya.

Profesor Dato' Dr Ab Halim Tamuri berkata hanya pelajar tinggal di kawasan zon hijau dibenarkan pulang manakala yang tinggal di zon merah dan jingga belum diberi kebenaran.

"Justeru, saya mohon mereka yang belum boleh pulang jangan bersedih kerana Kuis masih menjaga kebaikan anda semua," katanya.

Dr Ab Halim berkata mengikut maklumat Pusat Hal Ehwal Mahasiswa Kuis, baki penuntut masih berada di asrama adalah 130 orang.

Penuntut terkandas terus dijaga

BANGI - Menteri Pengajian Tinggi Datuk Dr Noraini Ahmad memberi jaminan kebaikan kesemua penuntut yang masih berada di institusi pendidikan tinggi (IPT) ketika ini sentiasa dijaga.

"Jangan risau, anak-anak tuan dan puan yang masih berada di kampus ini insya-Allah akan berada di bawah jagaan kampus masing-masing. Pihak universiti sentiasa mengambil tahu mengenai keadaan, keselamatan dan kesihatan mereka."

"Kementerian dan IPT serta anggota terlibat juga berusaha sepenuhnya dalam memastikan semua pelajar dapat pulang ke kampung halaman."

"Mereka (pelajar) ini akan bergerak secara berperingkat," katanya pada 27 April lalu.

-BERNAMA

Pinjam buku, ahli baharu meningkat

KUALA LUMPUR - Pinjaman buku digital Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) meningkat sepanjang pengukuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu.

Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan PNM Aidatul Hasnida Abdul Rani berkata pada Mac, hamip 40,000 buku digital dipinjam berbanding purata kira-kira 15,000 pada bulan biasa.

Menurutnya, pendaftaran keahlian baharu untuk u-Pustaka dan pengunjung portal perpustakaan pula meningkat mendadak sepanjang PKP.

"Statistik pendaftaran keahlian dan pengunjung portal menunjukkan peningkatan semasa PKP. Sehingga 21 April lalu.

"Semasa PKP sahaja, pendaftaran keahlian mencecah 22,982 ahli. Pendaftaran keahlian tertinggi adalah semasa permulaan PKP iaitu mencecah 6,069 pendaftaran dalam masa satu hari (19 Mac)," katanya. - BERNAMA

Sultan perkenan kaedah penilaian

PSRA ikut keputusan tahun tiga hingga lima

OLEH AMIN RIDZUAN ISHAK

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam (Jais) memutuskan penilaian terhadap 41,064 calon Penilaian Sijil Rendah Agama (PSRA) yang dibatalkan tahun ini dibuat mengikut keputusan peperiksaan dari tahun tiga hingga lima.

Pengaruhnya, Mohd Shahzihan Ahmad dalam kenyataan media berkata penilaian juga dibuat berdasarkan keputusan bahasa Arab setiap murid, laporan Lembaga Penilaian Holistik Bersepadu (IHAB), aktiviti kokurikulum dan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK).

PSRA adalah instrumen digunakan bagi permohonan kemasukan ke tingkatan

satu Sekolah Agama Menengah (SAM) dan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) di bawah kelolaan Kerajaan Selangor.

Mohd Shahzihan berkata Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) pula akan digunakan bagi menilai 227 calon Pentaksiran Hafazan al-Quran yang turut dibatalkan tahun ini.

Katanya, 4,745 calon peperiksaan Sijil Kafa Menengah (SKM) yang turut dibatalkan tahun ini mendudukinya bersama calon lain daripada SAM, Sekolah Agama Menengah Tinggi (SAMT) dan MITS pada tahun depan.

"Peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA), Sijil Menengah Agama Tahfiz Quran (SMATQ) dan Sijil Menengah Aga-

ma Tarbiyah Diniah (SMATD) ditangguhkan ke suku tahun pertama 2021 serta diuji mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran setiap mata pelajaran," katanya.

Beliau berkata kaedah diperkenalkan bagi menghadapi perubahan itu sudah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri dan diperkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

"Baginda juga berkenan bahawa Jais dan Kerajaan Selangor telah mengambil kira segala langkah perlu diselaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa termasuk faktor keselamatan murid, guru, ibu bapa dan masyarakat," katanya.

Sumbang koleksi jaya Perpustakaan Rumah Selangor

SHAH ALAM - Seramai 22 individu termasuk tokoh masyarakat pelbagai bidang setuju menyumbangkan koleksi buku bagi menjayakan projek Perpustakaan Rumah Selangor, kata Dr Muhamad Alinor Abdul Kadir.

Ahli lembaga pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) berkata kerjasama semua pihak memberi makna kepada projek untuk menaik taraf kualiti atau daya intelek penduduk di negeri ini.

"Ini kerana biasanya koleksi peribadi

kualiti kandungannya lebih tinggi berbanding yang ada di PPAS dan rata-rata mereka memiliki lebih 500 buku termasuk mempunyai perpustakaan di rumah masing-masing.

"Antara 22 individu itu adalah Datuk Dr Siddiq Fadil, Dr Shaharir Mohamad Zain, Dr Abdul Halim El-Muhammady, SM Zakir, Lutfi Ishak, Dr Sharifah Kartini dan Wan Ji Wan Hussain," katanya.

Muhamad Alinor berkata semua koleksi akan dikatalog dan dimuatkan ke laman

sesawang PPAS dengan persetujuan individu berkenaan.

Beliau berkata pihaknya bercadang menganjur pelbagai program seperti pameran koleksi, membaca, pameran manuskrip, buku-buku lama yang diterbitkan sebelum 1900 dan sebagainya.

"Projek ini akan diteruskan selepas Perintah Kawalan Pergerakan dan jika keadaan beransur baik, pertengahan Mei nanti kita akan bermesyuarat untuk langkah selanjutnya," tambahnya.

Pelajar IPT zon hijau dibenar pulang

SHAH ALAM - Kerajaan membenarkan penghantaran pulang pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mulai 27 April ini, kata menteri kanan (kluster keselamatan).

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata untuk peringkat awal pergerakan hanya dibenarkan dari kampus di kawasan zon hijau ke negeri atau daerah zon sama dengan waktu perjalanan dihadkan dari jam 9 malam hingga 9 pagi.

Katanya, setiap pelajar yang ingin pulang perlu menjalani saringan kesihatan dan dibekalkan topeng muka serta keperluan makan minum.

"Mereka yang menggunakan bas akan dihadkan dan perlu penjarakan sosial, kalau bas 40 penumpang, hanya 20 boleh berada di dalam."

"Pelajar diambil dari kampus dan dibawa terus ke balai polis atau pe-



jabat daerah berhampiran kampung mereka, dari situ dihantar ke rumah oleh agensi berkenaan maka tiada ruang pergi tempat lain," katanya pada 24 April lalu.

Ismail Sabri berkata bagi pelajar

yang ada kendaraan, mereka dibenarkan memandu pulang bersendirian dengan kebenaran polis tetapi tidak boleh merentas negeri, misalnya pelajar dari Selangor cuma boleh ke rumah keluarga di negeri itu.

Pesanan Jais kepada seluruh umat Islam

Banyakkan baca al-Quran, solat

OLEH WAN FAIZAL ISMAYATIM

SHAH ALAM - Walaupun tidak ke masjid serta surau untuk solat fardu dan tarawih berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ia tidak sepatutnya menjelaskan pengisian Ramadan, kata pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Mohd Shahzihan Ahmad berkata inilah masa ketua keluarga mengelola dan memimpin ibadat fardu dan sunat serta bentuk ibadat umum

yang perlu dilakukan isteri dan anak-anak ketika Ramadan sepanjang PKP.

"Ayah dan ibu hendaklah menggalakkan dan memantau anak-anak untuk membaca dan mentadbir (menghayati) Al-Quran sekurang-kurangnya dua muka surat sebelum atau selepas solat fardu.

"Banyakkan solat sunat, mengerjakan solat malam setiap hari secara istiqamah walaupun sedikit. Paling kurang solat tahajud dua rakaat dan sunat witir satu rakaat," katanya me-

nerusi di Facebook Jais.

Mohd Shahzihan berkata ketua keluarga hendaklah mendidik ahli keluarga mereka bahawa Ramadan bukan bulan pesta makan, selain meminta umat Islam meningkatkan ibadat terutama pada 10 akhir Ramadan.

"Sesiapa yang menghidupkan malam itu (Lailatur Qadar) ia bersamaan melakukan ibadat tersebut selama 1,000 bulan atau lebih 83 tahun," katanya.

Dapur Ramadan bantu fakir, miskin

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) melancarkan Dapur Ramadan Asnaf Selangor (DRAS) bagi membantu golongan asnaf, fakir dan miskin negeri ini menunaikan ibadah puasa ketika Perintah Kawalan Pergerakan.

LZS dalam kenyataan memaklumkan DRAS antara aktiviti tanggungjawab sosial korporat agensi untuk memastikan golongan tidak bernasib baik tidak diabaikan terutama sepanjang Ramadan.

"Program ini akan berlangsung sehingga akhir Ramadan melibatkan 50 rumah asnaf, fakir dan miskin terpilih di Kuala Langat, Gombak, Petaling dan Sepang," kata kenyataan itu.

Stok bantuan disediakan di setiap pejabat operasi daerah LZS supaya bekalan makanan dapat diagihkan tanpa mengira waktu.

Golongan tersebut akan dibekalkan makanan asas mencukupi supaya mereka dapat bersahur dan berbuka puasa dengan baik.

Pelaksanaan DRAS antara matlamat agensi mencapai tiga objektif iaitu memastikan keadilan, kebijakan dan kesejahteraan golongan sasar sentiasa terbelia.



Nikah sidang video tular sampai AS

SHAH ALAM - Pasangan pengantin dari Seri Kembangan yang dinikahkan menerusi sidang video oleh Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) pada 22 April lalu tidak menyangka kisah mereka tular sehingga ke luar negara.

Siti Jaslin Johari, 25, berkata urusan perkahwinannya bersama pasangan, Muhammad Ameer Ashraf Norhisham, 25, sangat mudah dan cepat walaupun kaedah tersebut baharu dilaksanakan.

Teruja dengan pernikahan secara

dalam talian, Siti Jaslin memuat naik pengalamannya bergelar isteri menerusi Twitter.

"Kisah saya dikongsi pengguna Twitter sebelum ia tular sampai ke Amerika Syarikat (AS) dan Indonesia. Rata-rata penduduk luar negara memuji kerajaan terutama Jais yang membantu pasangan ingin berkahwin."

"Mereka juga berpendapat pelasanaan nikah secara sidang video melambangkan ciri-ciri betapa Islam sering kali memudahkan umatnya,"

katanya pada 26 April lalu.

Siti Jaslin dan suami pada awalnya merancang untuk bernikah pada 4 April, namun terpaksa dibatalkan akibat Perintah Kawalan Pergerakan diumumkan kerajaan.

Mereka cuba mempercepatkan tarikh kepada 25 Mac, namun tetap tidak dibenarkan selepas lima jurunikah Jais disyaki dijangkiti Covid-19.

Kini Siti Jaslin bersyukur kerana urusan perkahwinan selesai dan berharap keadaan kembali seperti biasa.

Mais permudah bayar fidyah dalam talian

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menyediakan perkhidmatan pembayaran fidyah secara dalam talian bagi kemudahan umat Islam di negeri ini berikut pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Agensi agama negeri itu memaklumkan fidyah merupakan bayaran denda dikenakan kepada seorang yang tidak dapat menggantikan puasanya ketika Ramadan pada sesuatu tahun sehinggalah tiba Ramadan tahun berikutnya.

"Kadar fidyah di Selangor tidak berganda walaupun melangkau tahun dan dikira berdasarkan kadar harga beras (makanan asasi penduduk) semasa iaitu sebanyak secupuk."

"Ia berubah mengikut harga ditetapkan pemerintah di sesuatu tempat dan kadar di negeri ini adalah RM1.80 untuk setiap hari puasa yang wajib digantikan," katanya pada 22 April lalu.

**Ingin bayar fidyah,
layari alamat ini:**

- www.mais.gov.my
- fpix.mais.gov.my/epay/fidyah.php

WAKTU SOLAT SELANGOR
30 APRIL - 6 MEI 2020
7 - 13 RAMADAN 1441

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling dan Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syur'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
30 Khamis	5:44	5:54	7:02	1:13	4:31	7:20	8:31
01 Jumaat	5:43	5:53	7:02	1:13	4:31	7:20	8:31
02 Sabtu	5:43	5:53	7:02	1:13	4:31	7:20	8:31
03 Ahad	5:43	5:53	7:02	1:13	4:32	7:20	8:31
04 Isnin	5:42	5:52	7:02	1:13	4:32	7:20	8:32
05 Selasa	5:42	5:52	7:02	1:13	4:32	7:20	8:32
06 Rabu	5:42	5:52	7:01	1:13	4:32	7:20	8:32

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

	Imsak	Subuh	Syur'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
30 Khamis	5:46	5:56	7:04	1:16	4:33	7:23	8:34
01 Jumaat	5:45	5:55	7:04	1:16	4:34	7:23	8:34
02 Sabtu	5:45	5:55	7:04	1:16	4:34	7:23	8:34
03 Ahad	5:45	5:55	7:03	1:16	4:34	7:23	8:34
04 Isnin	5:44	5:54	7:03	1:16	4:34	7:23	8:35
05 Selasa	5:44	5:54	7:03	1:15	4:35	7:23	8:35
06 Rabu	5:44	5:54	7:03	1:15	4:35	7:23	8:35

Klang dan Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syur'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
30 Khamis	5:45	5:55	7:04	1:14	4:32	7:20	8:31
01 Jumaat	5:44	5:54	7:03	1:14	4:32	7:20	8:31
02 Sabtu	5:44	5:54	7:03	1:14	4:32	7:20	8:31
03 Ahad	5:44	5:54	7:03	1:13	4:32	7:20	8:31
04 Isnin	5:43	5:53	7:03	1:13	4:33	7:20	8:32
05 Selasa	5:43	5:53	7:03	1:13	4:33	7:20	8:32
06 Rabu	5:43	5:53	7:03	1:13	4:33	7:20	8:32



2,000 ibu tunggal mohon bantuan nafkah

SHAH ALAM - Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (Jakess) menerima 2,000 permohonan Dana Bantuan Nafkah Sokongan Keluarga Selangor daripada ibu tunggal yang terjejas susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Unit komunikasi korporat agensi itu memaklumkan, jumlah terkumpul itu diterima selepas tarikh permohonan ditutup 15 April lalu.

"Kami masih memproses semua permohonan dan Jakess masih belum memutuskan tarikh tetap untuk menyalurkan bantuan berkenaan. Diharap pemohon bersabar dan pengumuman akan dibuat tidak lama lagi," katanya pada 23 April lalu.

Pada 9 April lalu, Kerajaan Selangor mengumumkan bantuan nafkah khas akan diberi kepada golongan ibu tunggal yang terkesan berikut PKP.

Untuk itu, Jakess menguruskan bantuan nafkah khas sebanyak RM100,000 melalui peruntukan Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Selangor.

Yide-Mais hulur bantuan Ramadan

SHAH ALAM - Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) dan Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menyumbang makanan asas kepada 10 rumah anak yatim di sekitar negeri ini sempena Ramadan, pada 23 April lalu.

Pengurus Besar Yide Nur Mohd Razali Abdullah berkata sumbangan makanan asas meliputi beras, minyak masak, gula, kicap dan tepung gandum.

"Agihan bertujuan memastikan setiap rumah anak yatim ini mempunyai makanan asas yang lengkap dan cukup kepada 395 anak yatim. Bantuan ini adalah hasil sumbangan orang ramai melalui Tabung Covid-19 Mais," katanya dalam kenyataan.

Sumbangan ke Tabung Prihatin Covid-19 Mais boleh disalurkan menerusi:

fpx.mais.gov.my/epay/sedekah.php
Bank Islam (12038010134961)
Nyatakan:Tabung sumbangan Covid19

Mualaf tiada rumah dibantu

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) membantu seorang mualaf mendapatkan bilik sewa selepas hidup sebagai gelandangan di sebuah medan selera, di sini.

LZS dalam kenyataan di Facebook berkata mualaf berkenaan terpaksa menumpang teduh di medan selera itu selama 19 hari kerana tidak mempunyai tempat berlindung.

"Kami membayar sewa bilik sebanyak RM350 sebulan dan menyerahkan wang bantuan berjumlah RM300.

"Selain itu, bantuan makanan turut diserahkan bagi mengurangkan beban yang ditanggung. Terima kasih di atas maklumat dari penduduk dan kariah," katanya.

7,420 anak yatim dapat RM100

Duit raya terus masuk akaun

OLEH SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Sempena Aidilfitri tahun ini, Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) berhasrat menyalurkan sumbangan terus ke akaun 7,420 anak yatim atau penjaga mereka selewat-lewatnya 8 Mei ini.

"Tiada majlis kerainan buat anak-anak yatim tahun ini kerana penularan Covid-19," katanya pada 22 April lalu.

Nur Mohd Razali Abdullah berkata sumbangan diagihkan tahun ini berbeza tahun sebelum ini yang disampaikan Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah dalam satu majlis keraian.

"Bagaimanapun, anak yatim tahun ini akan menerima sumbangan duit RM100 seorang yang akan dikreditkan terus ke akaun mereka atau penjaga secara berperingkat selewat-lewatnya 8 Mei ini.

"Tiada majlis kerainan buat anak-anak yatim tahun ini kerana penularan Covid-19," katanya pada 22 April lalu.

Katanya, sebanyak RM742,000 diperuntukkan kepada anak yatim tahun ini hasil sumbangan Majlis Agama Islam Selangor, syarikat berkaitan kerajaan dan swasta serta syarikat korporat.

Pecahan sumbangan mengikut daerah

Daerah	Anak Yatim
Klang	1,288
Petaling	1,267
Sabak Bernam	400
Kuala Selangor	763
Hulu Langat	1,179
Sepang	330
Gombak	1,121
Hulu Selangor	543
Kuala Langat	529

Kesan PKP: 43 peratus wanita tiada gaji

SHAH ALAM - Sebanyak 43 peratus wanita di Selangor hilang sumber pendapatan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berdasarkan satu tinjauan Institut Wanita Berdaya (IWB).

Kira-kira 25 peratus daripada 442 responden hilang pekerjaan berbayar dalam tempoh PKP kerana penamatkan kontrak, penutupan perniagaan atau terpaksa mengambil cuti tanpa gaji.

"Golongan ibu tunggal khususnya adalah kelompok rentan, dengan satu per

empat hidup bawah garis kemiskinan dan hampir separuh melaporkan kehilangan pendapatan," kata ketua pegawai eksekutif IWB Selangor.

Siti Kamariah Ahmad Subki juga berkata 37 peratus wanita tidak mempunyai sokongan untuk menjaga tanggungan kerana perlu bekerja ketika

perintah kawalan tersebut.

Dalam kenyataannya, beliau menjelaskan 14 responden wanita menyatakan mereka atau ketua keluarga terpaksa membuat pinjaman haram ah long.

Tinjauan dalam talian empat hari mulai 27 Mac itu bagi mengukur kesan sosioekonomi dan kehidupan mereka ketika penularan wabak Covid-19.



LZS sumbang alat perubatan RM160,400



Pengurusan LZS menyerahkan sumbangan peralatan untuk kegunaan Unit Rawatan Rapi Hospital Selayang

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) baru-baru ini menyerahkan sumbangan alat kesihatan bernilai RM160,400 kepada Hospital Selayang.

Menerusi kenyataan di Facebook, antara peralatan disumbangkan LZS adalah alat bantuan pernafasan (ventilator), monitor dan pam untuk kegunaan di Unit Rawatan Rapi hospital tersebut.

"Semoga sumbangan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya," kata kenyataan itu.

Sementara itu, Pengarah Hospital Selayang Dr Sakinah Alwi menerusi surat penghargaan kepada Ketua Pegawai Eksekutif LZS Saipolyazan M Yusop, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sumbangan tersebut.

"Keprihatinan dan kesudian pihak tuan menghulurkan sumbangan kepada Hospital Selayang amat dihargai dan semoga usaha murni seperti ini dapat diteruskan pada tahun mendatang," katanya.

Ramai bakal hilang kerja

Liga-M rugi jika dibatal

OLEH KHAIRUL AZRAN HUSSIN

SHAH ALAM - Industri bola sepak negara dijangka kerugian lebih RM200 juta jika Liga Malaysia (Liga-M) dibatalkan bagi mencegah penularan Covid-19, kata pensyarah Kanan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Mohd Sadek Mustaffa berkata pembatalan bakal menyaksikan ramai dibuang kerja dengan pemain dan pegawai pasukan menjadi individu terawal dikenakan tindakan, lapor Harian Metro.

"Jika pembatalan tetap diteruskan tanpa pertimbangan sewajarnya, sudah pasti persatuan bola sepak, penaja dan pemain industri boleh diletakkan dalam zon kehancuran.

"Ini kerana pembatalan sukan nomor satu negara ini turut menjelaskan industri berkaitan seperti sektor pelancongan tempatan, penyediaan perkhidmatan pengangkutan dan makanan serta minuman," katanya pada 28 April lalu.

Pemain bola dinasihat selamatkan karier

SHAH ALAM - Pemain bola sepak digesa memanfaatkan ruang yang ada dengan melebarkan sayap ke peringkat lebih tinggi bagi menyelamatkan karier mereka, kata presiden Persatuan Jurulatih Bola sepak Malaysia.

B Sathianathan berkata pembatalan Liga Malaysia (Liga-M) dan semua aktiviti bola sepak menjelaskan masa depan pemain yang mungkin mengalami masalah tuggakan gaji dan lebih buruk digugurkan daripada pasukan.

"Saya melihat kesan lebih buruk akan melanda industri bola sepak negara jika saingan Liga-M dibatalkan kerana ba-

Justeru Sadek menyarankan dana khas diwujudkan untuk menampung kerugian serta menyediakan peruntukan bagi menggerakkan bola sepak dari sudut normal baharu.

"Pasukan yang bersaing dalam Liga Super dengan bajet RM20 juta berdepan kemungkinan kehilangan 40 hingga 60 peratus punca pendapatan akibat liga dibatalkan.

"Pada masa sama, penaja ada hak untuk meminta semula tajaan mereka disebabkan tidak mendapat pulangan atas pelaburan dijanjikan," katanya.

Beliau menggesa Kementerian Belia dan Sukan (KBS) lebih berhati-hati membuat keputusan dengan menyusun semula format pertandingan, termasuk membenarkan perlawaan diadakan secara tertutup.

nyak pihak terkesan, sekarang ini segala keputusan terletak kepada Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Liga Bola Sepak Malaysia (MFL).

"Jika sekurang-kurangnya enam bulan aktiviti bola sepak tiada di negara ini, ia bakal menimbulkan pelbagai masalah lain nanti," katanya seperti dilapor Harian Metro pada 27 April lalu.

Pada 25 April lalu Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri

Jika pembatalan tetap diteruskan tanpa pertimbangan sewajarnya, sudah pasti persatuan bola sepak, penaja dan pemain industri boleh diletakkan dalam zon kehancuran

MOHD SADEK MUSTAFFA

Pensyarah Kanan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi UiTM



Yaakob berkata saingan Liga-M tidak boleh dianjurkan walaupun selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat.

FAM dan MFL memutuskan untuk menunda kesemua perlawaan Liga-M dan aktiviti bola sepak di negara ini berkuat kuasa 16 Mac lalu susulan Covid-19, malah pasukan juga tidak dibenarkan mengadakan sesi latihan atau perlawaan persahabatan sepanjang tempoh pelaksanaan PKP.

FAM cari jalan sambung semula aksi Liga-M

SHAH ALAM - Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) mengemukakan permohonan rasmi kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menyambung semula aksi Liga Malaysia mengikut tatacara operasi piawai (SOP), kata setiausaha agungnya.

Stuart Ramalingam berkata perm-



ohonan melalui Kementerian Belia dan Sukan itu dibuat selepas mesyuarat dengan menterinya Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican, Presiden FAM Datuk Hamidin Mohd Amin dan Ketua Pegawai Eksekutif Liga Bolasepak (MFL), Datuk Ab Ghani Hassan.

"Apa juga arahan atau sekatan dari KKM atau MKN, FAM terbuka se-

penuhnya untuk menerimanya dan akan mematuhi segala arahan diberikan nanti walaupun ia membawa kepada pembatalan semua aktiviti bola sepak," katanya seperti dilapor Sinar Harian.

Beliau berkata FAM sedang meneliti semua laporan dan dokumen membabitkan status perbincangan pasukan berhubung isu kewangan memandangkan aksi liga tempatan dihentikan sejak 16 Mac lalu susulan pandemik Covid-19.

Hari Belia Negara ditangguh

SHAH ALAM - Hari Belia Negara yang dijadualkan pada 25 Mei depan ditangguhkan berikutan penularan Covid-19.

Kementerian Belia dan Sukan berkata penetapan tarikh baharu sambutan berkenaan akan dibuat berdasarkan situasi terkini wabak itu.

"Keputusan ini dibuat setelah mengambil kira pandangan pelbagai pihak termasuk Majlis Belia Malaysia (MBM), Badan Gabungan Induk Kebangsaan, Majlis Belia Negeri dan Majlis Belia Daerah bernaung di bawah MBM.

"Dalam hal ini, keselamatan dan kesihatan setiap lapisan masyarakat khususnya golongan belia menjadi kepentingan paling utama kepada kerajaan," katanya pada 27 April.

UEFA salur RM1.1 bilion bantu 55 persatuan

SHAH ALAM - Sebanyak 236.5 juta euro (RM1.1 bilion) diperuntukkan oleh Kesatuan Bola Sepak Eropah (UEFA) kepada semua 55 persatuan di bawah badan induk itu bagi membantu menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi susulan pandemik Covid-19.

Menurut kenyataan dikeluarkan UEFA, setiap persatuan bola sepak kebangsaan akan menerima sebanyak 4.3 juta euro (RM20.29 juta).

Peruntukan itu adalah daripada program Hat-Trick UEFA yang ditubuhkan pada 2004 bagi menyokong projek pembangunan setiap ahli gabungannya.

"Sukan bola sepak sedang berdepan cabaran yang tidak sukar untuk diramal susulan krisis Covid-19.

"UEFA mahu membantu ahlinya menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan cara terbaik berdasarkan situasi semasa," menurut kenyataan itu. - AFP

Doha, Riyadh bida Sukan Asia 2030

KUALA LUMPUR - Majlis Olimpik Asia (OCA) menerima bidaan daripada Doha, ibu negara Qatar dan Riyadh, ibu negara Arab Saudi, untuk menjadi tuan rumah Sukan Asia 2030.

Menurut kenyataan dikeluarkan OCA, kedua-dua negara itu telah mengumumkan bidaan secara rasmi untuk menjadi hos kepada Sukan Asia ke-21 sebelum tarikh akhir bidaan yang ditetapkan OCA, iaitu 22 April.

Sesi pemilihan bandar raya tuan rumah untuk Sukan Asia ke-23 pada 2030, akan diadakan pada Mesyuarat Agung OCA pada 29 November 2020, bersampingan dengan Sukan Pantai Asia di Sanya, China.

Doha menjadi tuan rumah Sukan Asia ke-15 pada 2006, tetapi Arab Saudi tidak pernah menganjurkan sukan multi acara OCA.

Sukan Asia ke-19 akan berlangsung di Hangzhou, China pada 2022, dan Sukan Asia ke-20 akan dihoskan Aichi-Nagoya, Jepun pada 2026. - BERNAMA

NIKMATI JUADAH BERBUKA PUASA KEGEMARAN ANDA SEMASA RAMADHANINI DI

PLATS
PLATFORM SELANGOR
www.plats.com.my

Grab

